



PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 1085]

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT [Ruangan 1133]

RANG UNDANG² PERBEKALAN TAMBAHAN (1971 DAN 1972) [Ruangan 1135]

Jawatan-kuasa Perbekalan:

Jadual Pertama—

- Kepala B. 2 [Ruangan 1182]**
- Kepala B. 3 [Ruangan 1182]**
- Kepala B. 4 [Ruangan 1182]**
- Kepala B. 5 [Ruangan 1183]**
- Kepala B. 6 [Ruangan 1183]**
- Kepala B. 7 [Ruangan 1183]**
- Kepala B. 8 [Ruangan 1183]**
- Kepala B. 9 [Ruangan 1183]**
- Kepala B. 10 [Ruangan 1183]**
- Kepala B. 11 [Ruangan 1183]**
- Kepala B. 12 [Ruangan 1183]**
- Kepala B. 13 [Ruangan 1184]**
- Kepala B. 14 [Ruangan 1184]**
- Kepala B. 15 [Ruangan 1184]**

KANDONGAN-NYA—(sambongan)

Jawatan-kuasa Perbekalan—(sambongan)

Jadual Pertama—(sambongan)

- Kepala B. 16 [Ruangan 1184]**
- Kepala B. 17 [Ruangan 1184]**
- Kepala B. 18 [Ruangan 1184]**
- Kepala B. 19 [Ruangan 1184]**
- Kepala B. 21 [Ruangan 1184]**
- Kepala B. 22 [Ruangan 1185]**
- Kepala B. 23 [Ruangan 1185]**
- Kepala B. 28 [Ruangan 1185]**
- Kepala B. 29 [Ruangan 1185]**
- Kepala B. 30 [Ruangan 1185]**
- Kepala B. 31 [Ruangan 1185]**
- Kepala B. 32 [Ruangan 1185]**
- Kepala B. 36 [Ruangan 1185]**
- Kepala B. 38 [Ruangan 1186]**
- Kepala B. 46 [Ruangan 1186]**
- Kepala B. 47 [Ruangan 1186]**
- Kepala B. 50 [Ruangan 1186]**
- Kepala B. 51 [Ruangan 1186]**
- Kepala B. 55 [Ruangan 1186]**
- Kepala B. 56 [Ruangan 1186]**
- Kepala B. 57 [Ruangan 1186]**
- Kepala B. 63 [Ruangan 1187]**
- Kepala B. 64 [Ruangan 1187]**
- Kepala B. 65 [Ruangan 1187]**

Jadual Kedua—

- Kepala B. 7 [Ruangan 1187]**
- Kepala B. 8 [Ruangan 1187]**
- Kepala B. 22 [Ruangan 1187]**
- Kepala B. 23 [Ruangan 1187]**
- Kepala B. 61 [Ruangan 1188]**
- Kepala B. 62 [Ruangan 1188]**
- Kepala B. 63 [Ruangan 1188]**

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Loteri (Pindaan) [Ruangan 1188]

Rang Undang² Pemeliharaan Buku² (Pindaan) [Ruangan 1190]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Ithnin, 22hb Mei, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.MN. (Sungei Siput).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., J.M.N., P.J.K., S.P.M.S. (Klang).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P., J.S.M. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

- Yang Berhormat TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENGKU MUHSEIN BIN ENGKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).

Yang Berhormat DR A. SOORIAN (Port Dickson).

- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

YANG TIADA HADHIR :

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Perhubungan TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).

- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

- Yang Berhormat DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATO' PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, F.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*).

JAWAPAN² MULUT BAGI
PERTANYAAN²

PUSAT PENYELIDEKAN ISLAM—
PAKAR²

1. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh minta Perdana Menteri menyatakan berhubung dengan Pusat Penyelidikan Islam di-Masjid Negara:

- (a) bilangan pakar² pengetahuan ugama Islam yang sedang menjalankan kerja² Penyelidikan pada masa sekarang;
- (b) ada-kah di-antara pakar² Islam itu pakar² luar negeri, dan jika ya, nyata-

kan bilangan-nya dan dari negara² mana mereka datang; dan

- (c) kemajuan yang telah di-chapai sa-takat ini oleh pakar² Islam itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Pada masa ini ada dua orang pakar yang sedang menjalankan penyelidikan;
- (b) Hanya sa-orang sahaja pakar itu dari luar negeri, ia-itu daripada Republik Arab Mesir dan yang sa-orang lagi ada-lah Warganegara Malaysia;
- (c) Tugas utama pakar daripada Republik Arab Mesir ia-lah menasehatkan Majlis Hal Ehwal Ugama Kebangsaan bagi menubuhkan Pusat Penyelidikan Islam di-Masjid Negara dan juga untuk melengkapkan perpustakaan Masjid itu. Pusat ini telah pun ditubuhkan.

Tugas pakar tempatan itu ia-lah untuk menyiapkan buku "Pimpinan Al-Rahman kepada Pengertian Al-Quran". Dua jilid telah pun siap dan di-jual dan jilid ketiga dan yang terakhir sedang di-uruskan untuk di-chetak.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah sa-buah buku atau pun beberapa buah buku yang berhubung dengan Islam ia-itu dalam bahasa China telah di-keluarkan oleh pehak sama ada pakar² yang ada dalam Pusat Penyelidikan Islam ini atau Pusat Penyelidikan Islam itu sendiri?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri belum lagi membaca buku itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah pehak Kerajaan mahu menjalankan usaha supaya buku² dalam bahasa Tionghua di-keluarkan oleh Pusat Penyelidikan ini. Jika ada, bila agaknya?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya ada chadangan dan perkara ini sedang di-uruskan.

PEKERJA² LADANG GETAH/KELAPA— BANTUAN

2. Tuan Chan Fu King minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan suatu jabatan atau agensi yang ditugaskan merancang dan melaksanakan polisi² dan ranchangan² untuk memajukan perkembangan dan kemajuan ekonomi pekerja² ladang² getah dan kelapa sawit di-negara ini dan menukar chorak hidup 370,000 pekerja² ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, bantuan kepada pekerja² ladang ada-lah menjadi sa-bahagian daripada ranchangan pembangunan Kerajaan. Dasar dan juga strategi Kerajaan bagi membasmi kemiskinan meliputi semua sektor dan semua daerah.

Tambahan lagi kepentingan pekerja² ladang telah pun di-jaga melalui berbagai undang² buroh bersangkutan dengan pekerjaan, perumahan, sharat² perubatan dan kesihatan dan sa-bagai-nya. Mereka juga di-wakili oleh satu Kesatuan Sekerja Kebangsaan dan dengan sebab itu di-fikirkan

kepentingan mereka itu ada-lah sentiasa di-uruskan dan juga di-awasi oleh pehak Kerajaan. Oleh itu tidak-lah di-fikirkan mustahak oleh Kerajaan hendak menubuhkan satu Jabatan berasingan atau pun Jabatan Khas untuk menguruskan masalah² mereka.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, in view of the high rate of unemployment prevailing in the rubber estates caused by the deteriorating rubber price, what immediate steps is the Government taking to alleviate the sufferings in the rubber estates?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang di-terangkan dalam Dewan ini langkah² telah di-ambil untuk menjamin harga getah ini supaya tidak turun dan pada hari ini harga getah ada-lah naik dan diperchayai akan bertambah naik. Jadi keadaan buroh² di-estet tidak-lah begitu susah. Begitu juga berkenaan masalah penganggoran, bukan sahaja di-estet² bahkan di-tempat² lain ada sedikit sa-banyak penganggoran dan masalah² ini sedang di-awasi oleh pehak Kerajaan dengan mengadakan ranchangan² Kemajuan dan juga per-industrian supaya dapat buroh² ini di-beri pekerjaan.

Tuan Goh Hock Guan: Sir, the Statistics Department has conducted a survey, and the result of that survey shows that the unemployment rate, especially in the estates and the urban areas, is particularly high—in fact, the highest in the whole country. That being the case, Sir, would not it be useful for the Government to consider setting up a special agency or a special commission of enquiry to look into the distress in the rubber estates?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi bahawa Kerajaan ta' fikir mustahak di-adakan Jabatan Khas (Special Agency) kerana masalah² ini Kerajaan mengetahui dan langkah² untuk mengatasi-nya sedang di-ambil.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Sir, we all know that the estate workers have contributed largely to the economic growth of this country and most of them suffer insecurity because normally dismissals are dominant in the estates. Will the Prime Minister consider setting up a special agency or department to review the entire position of

the estate workers so that they can be offered some form of security in jobs and also in living?

Tuan Yang di-Pertua: I thought it was answered—it is a repetition of the previous question.

PERKECHUALIAN ASIA TENGGARA— DASAR

3. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan persetujuan² yang telah di-chapai dalam perbincangan² dengan Jeneral Ne Win samasa lawatan beliau ka-Burma baru² ini tentang perkara² berikut:

- (a) kedudukan politik di-Asia Tenggara termasuk gagasan perkechualian di-rantau ini;
- (b) lawatan Presiden Nixon ka-China; dan
- (c) bantuan wang atau pegawai yang diberikan oleh Burma kepada Malaysia.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, (a) dan

- (b) sa-masa lawatan saya ka-Burma, saya telah mengadakan pertukaran fikiran dengan General Ne Win pada masa itu dan sekarang ini dengan Ng Nge Win mengenai perkembangan² di-Asia Tenggara. Mengenai dasar pengechualian Asia Tenggara, pemimpin Burma itu telah memberi persetujuan mereka terhadap chadangan kita itu.
- (c) Malaysia tidak menerima apa² pertolongan kewangan daripada Burma. Walau bagaimana pun, di-atas permintaan Malaysia, Burma bersetuju untuk menghantar beberapa orang doktor dan juga jurutera² untuk berkhidmat di-Malaysia bagi menolong kita pada masa ini oleh sebab kita ada-lah kekurangan doktor² dan juga jurutera².

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam perbincangan itu di-sakalikan di-antara perkara mempelawa penuntut² daripada Burma supaya menuntut di-pusat² latehan di-negeri kita ini atau pun penuntut kita ini supaya menuntut di-pusat latehan di-Burma.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan itu saya ada-lah menawarkan kerjasama kita dengan Burma dengan

apa chara juga yang di-fikirkan menasabah dan bagitu juga sebab Burma suka hendak menghantar penuntut² untuk berlateh dalam lapangan hotel management, kita bersetuju menerima penuntut² untuk berlateh di-Intitiut Teknologi MARA dalam lapangan hotel management.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, during the Prime Minister's trip to the Republic of Burma, was the question of endorsing the Malaysian Government's neutralisation concept of South-East Asia brought up to the Burmese Government; and if so, did the Burmese Government support fully Malaysia's call for neutralisation?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab soalan ini tadi.

Tuan Goh Hock Guan: Sir, during the recent visit of one of the Ministers from the Republic of Burma, the Minister concerned stated that Burma did not want to join the regional set-up specifically ASEAN, because Burma wanted to remain a neutral country. Sir, would the Prime Minister consider that statement as representing a very partial support for the neutralisation concept of South-East Asia as propounded by us?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tentu mengetahui konsep ASEAN ada-lah berlainan dengan konsep neutrality. Jadi yang Kerajaan Burma sokong ia-lah konsep neutrality, konsep ASEAN ada-lah berlainan.

GERAKAN SEDAR—PELANCHARAN

4. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kejayaan pelancharan "Gerakan Sedar" di-Kedah baharu² ini dan ada-kah benar penyokong² kominis terdiri dari penduduk² bandar dan bukan luar bandar.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, Gerakan Sedar yang telah di-lancharkan pada 10hb Mach, 1972 untuk memburu dan menghapuskan pengganas² kominis yang bergerak di-Kedah Selatan dan untuk menghanchorkan penyokong² mereka di-kawasan tersebut, telah berjaya memusnahkan saluran bantuan kepada pengganas²

kominis di-kawasan² yang terlibat. Pengganas² itu telah melarikan diri ka-dalam hutan rimba dekat dengan sempadan Malaysia/Thai.

Sa-ramai 101 anasir² telah pun di-tangkap di-dalam gerakan tersebut dan 3 tempat simpanan makanan (food dumps) telah di-jumpai.

Penyokong² pengganas kominis ada-lah terdiri daripada penduduk² bandar dan juga penduduk² luar bandar. 70% daripada anasir² yang di-tangkap di-dalam Gerakan Sedar ia-lah dari kawasan luar bandar.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa-kah yang telah di-buat oleh pehak yang berkenaan ka-atas orang² yang telah di-tangkap?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, sa-lepas siasatan di-jalankan, sa-tengah daripada yang telah di-tangkap itu telah pun di-lepaskan dan sa-tengah lagi maseh di-dalam tindakan.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Would the Honourable Minister please give us an idea of the racial breakdown of the captured C.T. personnel—in other words, how many Chinese, how many Malays and how many Indians were arrested?

Tuan Yang di-Pertua: That is a different question.

KERETA PERISAI (ARMED PERSONNEL CARRIER)—MENGADAKAN

5. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Pertahanan menyatakan, memandang kapada serang hendap oleh pengganas² kominis di-Sarawak baru² ini di-mana 15 orang anggota polis hutan telah terbunuh sa-masa dalam perjalanan dari Biawak ka-Lundu, sama ada pehak² yang bertanggung-jawab akan mengadakan kereta² perisai untuk askar² atau pasokan polis hutan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun membuat pesanan untuk beberapa buah kereta perisai (Armoured Personnel Carrier) untuk kegunaan Pasokan Keselamatan kita. Beberapa buah kereta perisai yang telah di-pesan itu telah pun sampai dalam bulan

April yang lalu dan baki-nya akan di-terima berperingkat² dalam bulan ini dan juga bulan² yang akan datang.

Tuan Joseph Valentine Cotter: Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua. Ada-kah semua keluarga Pasokan Polis Hutan kita yang kena bunuh oleh pengganas² di-Lundu itu di-beri bantuan oleh Kerajaan, ia-itu:

- (a) Berapa banyak di-beri wang dan berapa banyak-kah kadar tiap² keluarga;
- (b) bagaimana-kah keadaan anak² yang maseh bersekolah dan ada-kah Kerajaan hendak menolong supaya mereka dapat melanjutkan pelajaran-nya; dan
- (c) ada-kah Kerajaan tolong membuat sa-buah rumah kecil untuk keluarga itu yang ta' mempunyai rumah.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Dato' Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan itu Kerajaan ada memberi \$2,000 kapada Tabong Perwira. Ini bukan-lah daripada duit Kerajaan, tetapi ada-lah daripada sagu-hati-nya pada satu tabong yang telah di-tubuhkan beberapa tahun yang lepas. Dan juga kapada orang² yang chedera ada-lah di-beri bantuan atau pun sagu-hati sa-banyak \$1,000. Kapada balu² dan juga keluarga² saperti anak² ada kita memberikan wang mengikut kadar penchen² dan mengikut undang² regulation yang ada terchatet di-dalam tiap² satu atau pun polis atau pun juga Angkatan Tentera. Ini mengikut-lah kadar² yang terchatet di-dalam undang² itu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah kerana kelalaian, atau kerana tidak ada armoured car di-waktu kejadian itu berlaku menerusi jalan yang ada, maka askar² itu telah terbunuh.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menafikan ia-itu ini tidak ada kelalaian langsung dari pehak Angkatan Bersenjata di-atas peristiwa ini, tetapi ini ada-lah salah satu daripada chara² yang telah di-adakan oleh pehak pengganas², jadi kita tidak boleh tentukan perkara ini, kerana saperti Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini tahu tentang kedudukan itu, kerana kita tidak tahu kedudukan-nya, kadang² boleh di-katakan perkara ini akan berlaku begitu dan saya suka menafikan apa yang telah di-tudoh oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya, tidakkah ada pada masa itu kereta² perisai melalui tempat yang membahaya?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, ada.

KADER² KOMINIS TEMPATAN— PENGAMBILAN

6. **Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada kelihatan sa-barang tanda² yang menunjukkan ada-nya pengambilan kader² komunis tempatan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, jawab-nya, ya, ada. Kerajaan adalah mengambil tindakan yang perlu mengenai perkara ini.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the Government in its White Paper on the resurgence of armed violence in Malaysia stated that, as a result of the suspension of democracy in Malaysia, there was an upsurge, an increase, in the communist cadre recruitment by the communist guerrilla party in Malaysia. Could the Honourable Deputy Minister please indicate to this House whether the recruitment of cadres has decreased as a result of reconvening of Parliament, since Parliament was reconvened?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab operasi yang telah di-adakan itu, maka pengambilan kader² oleh pihak kominis ini telah di-berhentikan.

Tuan Loh Jee Mee: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, is the Government prepared to admit that it has not completely found solutions to this communist threat and that it is because there are people who are dissatisfied that the communists are able to win their support?

Tuan Mohamed bin Yaacob: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, could the Honourable Member repeat his question?

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di-Pertua, is the Government prepared to admit that it has not completely found solutions to this communist threat and that it is because there are people who are dissatisfied that the communists are able to win their support?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, we are not prepared to admit. Kita tidak mengaku yang pihak kominis itu kuat—itu semua tidak.

Tuan Goh Hock Guan: Sir, is the Government concerned with the rate of local recruitment of communist cadres at the moment? Is the Government concerned about the present rate of recruitment?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tidak, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab mengikut ketetapan, dengan sebab ada-nya operasi itu recruitment ini telah di-patahkan.

Tuan Goh Hock Guan: Sir, would the Government not consider whether a further liberalisation of the democratic process in Malaysia would help to improve the security situation in this country further—in other words, the removal of repressive laws?

Tuan Yang di-Pertua: That is a different question, again.

Tuan Loh Jee Mee: Arising from the answer which the Honourable Deputy Minister of Home Affairs has just given, I wish to ask this question. Of late, several operations have been launched with reasonable results. Is this an indication that the M.C.P. is once again gaining strength?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu telah pun membaca Kertas Puteh yang telah dibuat oleh Kerajaan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa banyak pemuda² kita yang telah dapat di-ambil oleh pihak kominis untuk menjadi kader-nya, dari rekod atau pun pengetahuan pihak Kerajaan dan dari mana, atau pun dari negeri² mana di-dalam Malaysia kita ini?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Angka² agak kasar ada-lah lebih kurang dalam 75 orang sahaja.

Tuan Goh Hock Guan: Sir, the Honourable Deputy Minister just now mentioned that as a result of the various operations

launched by the security forces, the recruitment of cadres has stopped—*telah dipatahkan*. Sir, is the Government really saying that in spite of the activities conducted by the Communist Party of Malaysia, even inside the mosques, as the Honourable Minister of Home Affairs stated in the last session of Parliament, that in spite of these activities by the communist party, no recruitment was achieved by the communist party? Is that what the Honourable Deputy Minister is saying?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Jawab-nya, sudah. Mengikut keterangan yang kita dapat, dengan sebab operasi yang di-adakan oleh pihak Kerajaan, maka recruitment ini telah di-patahkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapat-kah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan yang 75 orang yang di-recruit oleh kominis ini sudah pun ada dalam hutan atau pun maseh ada di-luar hutan—waktu dia hendak training, dia pergi ka-dalam hutan, waktu dia sudah training dia balek sa-mula bergerak ka-dalam hutan?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, mengikut keterangan, sa-tengah²-nya ada balek kamari dan sa-tengah²-nya maseh dalam hutan.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jikalau recruitment atau pengambilan kader² bagi pihak kominis telah di-patahkan oleh sebab operasi² yang telah di-lancarkan, boleh-kah Kerajaan memberi tahu dengan keyakinan, oleh sebab tiap² hari kita membaca dalam akhbar, maka kominis telah di-bunuh di-Malaysia dan tidak berapa lama lagi gerila² kominis dalam hutan Malaysia boleh di-hapuskan semua dengan segera, dan jikalau boleh berbuat begitu, boleh-kah Kerajaan memberi satu estimate bila-kah negeri kita ini boleh berada dalam keadaan yang aman dan damai seperti biasa dahulu?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, kita harap dengan kerjasama Ahli Yang Berhormat, harus-lah anchaman kominis ini dapat di-berhentikan dengan sa-chepat mungkin.

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di-Pertua, the Honourable Minister has just said in this

House that there are local recruitments taking place and that the Government is taking action, but he also said that the M.C.P. is not gaining strength, May I know how he is going to account for that?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun kurang faham—I could not catch your question.

Tuan Loh Jee Mee: Sir, the Honourable Deputy Minister has just stated that there are local recruitments taking place by the communists, in the recruitment of communist cadres. On the other hand, he has also stated that the communists are not gaining strength. May I know how he is going to reconcile those two statements?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu membaca Kertas Puteh Kerajaan yang di-keluarkan itu, barangkali beliau boleh faham.

Tuan Loh Jee Mee: Will you agree with me that the statements made by the Deputy Minister are a bit confusing?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Itu fikiran Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jumlah kasar sa-ramai 75 orang seperti yang telah di-terangkan oleh Timbalan Menteri, ada-kah terdapat daripada 75 orang itu penyokong² terhadap Parti² Pembangkang yang ada di-dalam Dewan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak ada kenamengena dengan soalan ini.

Tuan Goh Hock Guan: Sir, the Americans in Vietnam used to publish reports of the number of communist casualties that they had inflicted everyday and yet, in spite of that, the communists keep on coming, until today we have got this big offensive there. So, in other words, the recruitment was continuously being made by the Vietcongs and the communists in Vietnam.

Sir, the statement by the Deputy Minister is that as a result of the operations launched by the Government the recruitment of

communist cadres has stopped, and yet we see the continuation of activities conducted by the communist guerrillas in this country. Does not this statement of his resemble very closely the euphoric type of statement that the Americans are very fond of making?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu tidak beberapa faham Bahasa Kebangsaan, "di-patahkan" itu bukan-lah ma'ana "stop".

Tuan Goh Hock Guan: Boleh-kah Timbalan Menteri menerangkan sedikit dalam bahasa Inggeris dan saya boleh faham dengan sa-penoh-nya?

3 DAN 4 NOMBOR EKOR DAN SPORTS TOTO—MENGAMBIL ALEH

7. Tuan Su Liang Yu bertanya kepada Menteri Kewangan sama ada Kerajaan akan menimbang mengambil alih pengurusan 3 dan 4 Nombor Ekor dan Sports Toto.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di-Pertua, ahli Yang Berhormat mungkin tidak sedar bahawa pengurusan 3 Nombor ada-lah di-jalankan oleh Lembaga Totalisator ia-itu sa-buah Badan yang dibentuk di-bawah Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator), 1961. Lembaga ini mengandungi 2 orang ahli dari tiap² Kelab Lumba Kuda, ia-itu Kelab Lumba Kuda Selangor, Perak dan Pulau Pinang dan 2 orang ahli yang di-lantek oleh Kerajaan. Selain daripada itu sa-orang pegawai awam juga di-lantek untuk mengambil bahagian di-dalam meshuarat Lembaga ini sebagai pemerhati. Pengerusi Lembaga-nya ada-lah di-pilih dari salah sa-orang daripada Ahli² Lembaga tersebut. Oleh kerana Kerajaan sekarang mengawal (control) sa-chara tidak langsung ka-atas urusan 3 Nombor ini ia-itu melalui Lembaga Totalisator, maka tidak-lah di-fikirkan perlu untuk di-buat apa² perubahan di-dalam perjalanan sekim ini.

Mengenai urusan pertarohan Toto, Sharikat Sports Toto Sendirian Berhad yang di-mileki sa-penoh-nya oleh Kerajaan adalah di-bentok dalam tahun 1969 di-bawah Akta Pertarohan Pool 1967 sebagai satu sumber tambahan kewangan untuk membiayai aktiviti² sokan di-dalam negeri ini. Oleh kerana sharikat ini telah pun di-mileki sa-penoh-nya oleh Kerajaan, maka persoalan bagi Kerajaan mengambil alih urusan ini tidak-lah timbul lagi.

Saperti mana yang pernah di-sebut dahulu di-dalam Dewan ini, Kerajaan tidak berhajat untuk mengambil alih Pertarohan 4 Nombor yang sekarang ini di-jalankan oleh sharikat bersendirian. Memandang kapada chara² perjalanan 4 Nombor ini, Kerajaan merasa lebeh baik yang pertarohan saperti ini di-jalankan oleh sharikat bersendirian.

Tuan Su Liang Yu: (*Dengan izin*) Would the Minister explain why the lucky winners of Sports Toto were either often charged by the Police for cheating, or they have to sue the Sports Toto management for the prizes? If that is the case, could the Minister explain why such a position occurred on every Jackpot winner?

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I do not understand the question posed by the Honourable Member.

Tuan Su Liang Yu: Could the Honourable Minister explain why the lucky winners of Sports Toto were often charged by the Police for cheating the Sports Toto management and very often those lucky winners have to sue the Sports Toto management for their prizes?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, I am not sure we are talking on the same subject. I have not heard of the allegation made by the Honourable Member.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa dengan wujud-nya 3 dan 4 Nombor Ekor ini banyak yang gila dan banyak yang ingin untuk lekas kaya, maka sa-lain daripada mendapat kekayaan, dia terus papa? Kalau sedar, ada-kah Menteri yang berkenaan berchadang untuk membawa satu undang² dalam Dewan ini untuk menghapuskan permainan 3 dan 4 Nombor Ekor ini?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, if the Honourable Members on either side of the House feel that there are malpractices, then they should make a specific allegation or make a specific report to the Police or to the authorities concerned. In so far as the Government should run these enterprises, we do not think it is very dignified for the Government to become a gambling promoter on a large scale.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 7.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan No. 7 sudah.

Tuan Loh Jee Mee: Soalan No. 8—ma'af.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 7 belum di-jawab lagi (*Ketawa*). Jawapan yang di-berikan tadi ia-lah soalan No. 19—soalan No. 7 belum di-jawab lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang soalan No. 8. Kalau Ahli Yang Berhormat tidak dapat kertas pindaan yang telah di-edarkan, lebih baik Ahli Yang Berhormat diam sahaja.

JURURAWAT—NOTIS BERHENTI

8. **Tuan Loh Jee Mee** (*di-bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar pada bulan Mach 1972 enam orang jururawat telah berhenti dengan memberi notis 24 jam dari Hospital Besar Seremban, mereka berhenti oleh kerana layanan yang tidak adil dan pileh kaseh yang di-lakukan oleh pihak pentadbiran hospital tersebut.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Mach 1972 hanya sa-orang sahaja Staff Nurse telah berhenti dari Hospital Besar Seremban untuk mengikut suami-nya yang bekerja di-Singapura.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Boleh-kah Pemangku Menteri Kesihatan menerangkan soalan ini menyatakan enam jururawat meletakkan jawatan-nya? Adakah Pemangku Menteri Kesihatan sekarang menafikan itu tidak benar?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya sudah jawab tadi, ini-lah jawapan-nya yang mana soalan² itu tidak benar. Kalau Ahli Yang Berhormat itu faham jawapan saya tadi, erti-nya yang lain² itu tidak benar, kerana ini jawatan yang sa-benar hanya sa-orang sahaja staff nurse yang berhenti di-Hospital Besar Seremban. Jadi erti-nya yang lain tidak benar.

GURU² KELULUSAN UNIVERSITI² INDIA

9. **Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Pelajaran sama ada benar bahawa Kerajaan telah mengeneipkan shor² Surohanjaya Aziz berhubong dengan guru² lepasan Universiti² India, dan jika ya, mengapa.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, tidak benar. Soalan yang di-bentangkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak timbul oleh kerana Surohanjaya Aziz tidak membuat sa-barang perakuan khas-nya untuk guru² kelulusan Universiti² India.

Surohanjaya Aziz telah membuat perakuan untuk guru² siswazah seperti berikut :

- (a) Mereka yang mempunyai Ijazah Kepujian (Honours Degree) di-tempatkan ka-dalam Kategori D1 jika mereka mempunyai Diploma Pendidekan atau yang sa-taraf dengan-nya dan ka-dalam Kategori D4 jika tidak mempunyai Diploma itu.
- (b) Mereka yang mempunyai Ijazah Kelulusan (Pass Degree) di-tempatkan ka-dalam Kategori D2 jika mereka mempunyai Diploma Pendidekan atau yang sa-taraf dengan-nya dan ka-dalam D5 jika mereka tidak mempunyai Diploma itu.

Walau bagaimana pun Surohanjaya itu tidak memperakukan khusus-nya kepada mana Kategori tersebut di-atas guru² siswazah India patut di-tempatkan. Atas nasihat Jawatan-kuasa Perlaksanaan Kerajaan telah memutuskan seperti berikut:

- (a) Guru² Siswazah India dalam Perkhidmatan Guru Yang di-Persatukan dan bukan Kerajaan atas tangga gaji guru siswazah sa-belum Aziz, mereka ini di-tempatkan ka-dalam Kategori D3 dan mereka yang bukan dalam tangga gaji Guru Siswazah di-tempatkan dalam C1 ia-itu kategori bagi guru² yang mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan.
- (b) Walau bagaimana pun Guru Siswazah India dalam perkhidmatan Kerajaan telah di-tempatkan ka-dalam D1 atau D2 atas sebab mereka ada-lah dalam

perkhidmatan Kerajaan dan yang telah di-lantek kepada sekim perkhidmatan yang sama bagi siswazah tempatan.

Keputusan² ini ada-lah terkandung didalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1971 atas perlaksanaan perakuan² Aziz.

IJAZAH² DARI INDIA— MENGIKTIRAFKAN

10. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Pelajaran sama ada beliau akan menimbang mengiktirafkan Ijazah² dari India.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, untuk ma'aloman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun mengiktiraf ijazah² kejuruteraan, perubatan dan pergigian daripada beberapa universiti² di-India. Soal melanjutkan pengiktirafkan ijazah² India yang lain-nya sedang di-timbangan.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Is the Government considering also to recognise the other degrees such as Veterinary, Science and Arts degrees?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya baharu jawab tadi.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran sedar bahawa perkara ini bukan perkara baharu dan beberapa orang siswazah daripada India, di-dalam beberapa lapangan pelajaran telah datang ka-tanah ayer kita dan baharu² ini kami dengar Setiausaha Parlimen tersebut mengatakan perkara ini sekarang maseh di-timbangan? Boleh-kah Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran memberitahu berapa lama lagi Kerajaan akan menimbang-perka ini sa-belum Kerajaan mengambil keputusan-nya?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab tadi, ada beberapa daripada ijazah ini telah di-iktirafkan dan yang lain²-nya sedang di-timbangan dan sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat itu ma'alom bahawa telah pun ada sa-buah Jawatan-kuasa untuk mengkaji, bukan sahaja ijazah² daripada negeri India, tetapi juga ijazah² daripada negeri² yang lain dan kita memang mengharapkan bahawa Jawatan-

kuasa ini akan dapat membuat laporan²-nya dengan sa-berapa segera untuk kita timbangkan, and I believe it will be during the life time of Ahli Yang Berhormat.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jika saya hidup selama lima puluh tahun lagi, ada-kah Setiausaha Parlimen itu akan menyatakan siswazah² tersebut hendak menunggu lima puluh tahun lagi sa-belum Kerajaan mengambil keputusan?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu sudah di-jawab.

IJAZAH² DARI TIMOR TENGAH— PENGIKTIRAFAN

11. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau telah menerima laporan² dan shor² dari rombongan yang telah di-hantar ka-negara² Timor Tengah baharu² ini untuk menilai ijazah² dari universiti² negara² tersebut dan jika sudah apa-kah pendapat Menteri mengenai pengiktirafan ijazah² dari negara² Timor Tengah.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, belum lagi.

PEMBERI² PINJAMAN WANG

12. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau berchadang mengadakan undang² untuk menghapuskan peminjam² wang yang di-kenali sa-bagai cheti² memandangkan pada masa ini Kerajaan telah menubuhkan badan² kewangan saperti MARA Bank Bumiputra dan sa-bagai-nya.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada chadangan bagi menghapuskan pemberi² pinjaman wang yang di-kenali sa-bagai cheti itu walau pun pada masa ini ada di-tubuhkan badan² kewangan saperti MARA dan Bank Bumiputra. Kegiatan mereka memberi kegunaan yang tertentu kerana mereka selalu-nya sanggup memberi pinjaman untuk keperluan rumah tangga atau persaorangan walau kadang² dengan tidak ada jaminan sa-kali pun. Bagaimana pun mereka ada-lah terkawal di-bawah Undang² Pemberi Pinjaman Wang 42/1951.

Tuan Yeoh Teck Chye: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, will the Minister tell the House to what extent we can borrow money for domestic and private purposes from these banks? What is the extent of borrowing?

Dato' Ong Kee Hui: (*Dengan izin*) We are not talking about banks, Mr Speaker, Sir, we are talking about Chettis. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Chettiar is the proper name.

PINTU SEKATAN LINTASAN KERETAPI—MENGADAKAN

13. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) sebab² mengapa pehak Keretapi Tanah Melayu tidak mengadakan pintu sekatan di-lintasan jalan keretapi Kampong Perak, Pasir Mas di-mana suatu kemalangan telah berlaku baru² ini mengakibatkan 10 jiwa terkorban dan 35 orang cedera parah; dan
- (b) sama ada pehak Keretapi Tanah Melayu akan mengganti-rugi di-atas kehilangan nyawa dan harta, dan kechederaan yang menimpa orang² dalam kemalangan itu.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Mohamed bin Ujang): Tuan Yang di-Pertua, soalan (a) sa-benar-nya soalan sa-umpama itu telah di-jawab oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan pada 11hb Mei, 1972, tatkala menjawab satu soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu. Kerajaan di-Kelantan telah pun mengishtiharkan dalam tahun 1947 bahawa kehendak pintu keretapi tidak di-kenakan, not actually applicable to Lemal, di-mana berlaku-nya kemalangan itu.

Soalan (b), tidak ada.

Tuan Valentine Cotter: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apa-kah sebab kemalangan itu berlaku, ada-kah sebab jalan-nya terlampau laju atau ada-kah kerana kerosakan enjin-nya?

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini dalam penyiasatan lagi.

KEMATIAN BAYI—MENGAWAL

14. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa ranchangan mengawal kematian bayi telah tidak berjaya kerana bilangan kematian bayi maseh tinggi; dan
- (b) sebab² kegagalan ranchangan ini dan langkah² yang di-ambil untuk mengurangkan kadar kematian ini dalam jangka pendek dan jangka panjang.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, tuduhan mengatakan ranchangan mengawal kematian bayi tidak berjaya ada-lah tidak benar. Pada tahun 1946, kadar kematian bayi di-Malaysia Barat ia-lah 89 bagi tiap² 1,000 kelahiran hidup. Pada tahun 1957 kadar ini ia-lah 76 dan pada tahun 1968 telah menjadi 42 kematian bayi bagi tiap² 1,000 kelahiran hidup. Ini berma'ana, dalam masa 11 tahun sa-belum Merdeka, kadar kematian bayi telah jatuh chuma 14.6%, akan tetapi dalam masa 11 tahun sejak Merdeka kadar ini telah jatuh pada 44.7% ia-itu hampir 3 kali ganda kelebihan dahulu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini sedar walau bagaimana pun ada kadar kematian bayi ini dengan sebab bahawa nasehat² yang di-berikan melalui Pusat² Kesihatan dan juga bidan² di-kampong itu tidak dapat di-terima oleh penduduk² luar bandar, maka dengan sebab itu ada-nya kematian bayi² ini?

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan-nya?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Ada-kah Kementerian ini sedar bahawa apa yang di-berikan itu tidak di-terima oleh orang² di-luar bandar?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya telah terangkan tadi, kita memang sedar yang perkara ini sa-benar-nya maseh ada kematian, tetapi pada waktu ini, kita akan mengambil tindakan bagaimana hendak mengurangkan kematian ini dengan sa-berapa yang boleh dengan chara memberi banyak perkhidmatan lagi kepada ra'ayat terutama sa-kali di-luar² bandar.

**PEJABAT PENDAFTAR DAN
PEMEREKSA KERETA² MOTOR—
KESEMPITAN**

15. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar akan kesempitan Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta² Motor di-Muar, Johore serta kekurangan pegawai² di-Pejabat ini, jika ya, sama ada bilangan pegawai²-nya akan di-tambah dan suatu bangunan baru di-bena; dan
- (b) berapa-kah jumlah hasil yang telah di-punggut oleh Pejabat ini semenjak di-buka.

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar akan kesempitan Pejabat Pendaftaran Pemeriksa Kereta Motor di-Muar Johor yang bertempat buat sementara di-dalam bangunan yang dipinjamkan oleh Kerajaan Negeri Johor. Langkah² telah pun di-ambil untuk mendirikan bangunan baharu yang lengkap dengan kemudahan² yang perlu bagi pemereksaan kereta² motor untuk menjalankan ujian pemandu. Dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor, Kementerian ini sudah pun mendapat tanah untuk tapak bangunan baharu itu. Bilangan kaki-tangan ada-lah chukop seperti senarai yang di-sebutkan ini:

Pegawai Pendaftar Kereta Motor ...	1
Pegawai Penguat-kuasa	2
Kerani	24
Jurutaip	2
Penguji Driver	3
Pemeriksa Kereta	3
Penchari Fail	3
Penunggu Pejabat	1
Pelayan Pejabat	3
Penjaga Keselamatan Pejabat ...	2
Tukang Kebun	1
Jumlah ...	45

Bilangan kaki-tangan ini akan di-tambah pada tahun hadapan jika di-dapati perlu kelak. Jumlah hasil yang telah di-punggut oleh pejabat ini semenjak di-buka pada bulan September, 1970 hingga bulan Mach, 1972 ia-lah \$15,550.243.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soal tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Setiausaha Parlimen

kapada Menteri Perhubungan, bila-kah jangka-nya bangunan baharu itu akan di-bena.

Tuan Mohamed bin Ujang: Dengan sa-berapa segera yang dapat, kerana rancangan telah pun di-buat.

**ASAP HITAM BERABOK—
MENGANCHAM KESIHATAN**

16. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Kesihatan menyatakan ada-kah beliau sedar yang chorong asap kilang simin di-Rawang sa-kali lagi mengeluarkan asap hitam berhabok; dan dengan demikian mengancham kesihatan penduduk² di-tempat itu sa-lain daripada memusnahkan tanaman² di-sekitar kawasan itu, dan jika ya, nyatakan sama ada beliau akan menyelesaikan masalah ini dengan segera.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang sedar atas kekacauan debu simin dari sa-buah kilang di-Rawang. Aduan² telah di-terima daripada orang ramai dan tindakan² yang telah di-ambil menyebabkan pehak pengurus telah menubuhkan sa-buah electrostatic precipitator pada tahun 1964. Dengan ini kekacauan debu telah dapat berkurangan. Akan tetapi kilang ini telah menambahkan keluaran hasil²-nya dan pada masa ini sa-buah lagi electrostatic precipitator perlu di-pesankan bagi mengurangkan lagi debu simin yang berterbangan di-udara. Untuk ma'alom Ahli Yang Berhormat pehak pengurus baharu sahaja di-beri arahan supaya kekacauan itu di-kawal. Oleh itu pehak pengurus telah bersetuju untuk mengadakan sa-buah dust monitor dan telah pun membuat pesanan bagi mengadakan sa-buah lagi electrostatic precipitator yang berharga lebih kurang \$200,000 dan ini akan di-pasang bila sahaja alat debu ini akan sampai.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Pemangku Menteri Kesihatan sedar oleh sebab kilang simen itu makin lama makin di-perbesarkan, maka apa langkah² telah di-ambil oleh kilang itu untuk menchegeh asap hitam itu, oleh sebab itu penduduk² di-sekeliling kilang itu dan pokok² umpama-nya pokok getah, pokok buah²an semua-nya kena akibat yang tidak baik? Oleh hal yang demikian, boleh-kah Pemangku Menteri Kesihatan mengambil

tindakan yang tegas, bukan Pengurus yang mengambil tindakan, tetapi mengambil tindakan atau langkah yang tegas untuk mengurangkan, kalau tidak boleh menghapuskan asap hitam daripada kilang itu?

daripada-nya di-luar kawalan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Walaupun demikian segala perkara yang mungkin menghalang penubuhan unit penguatkuasa itu telah pun diselesaikan dan unit itu akan dapat

di-Pertua, oleh sebab Menteri yang berkenaan telah menuduh saya sentiasa bermain politik sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Itu-lah yang saya katakan, saya bersetuju lebeh kurang, sebab sudah dua kali bangun, belum ada soalan lagi. Bagaimana, kalau itu bukan politik? (*Ketawa*)

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan ada-kah mustahak bumiputra dikampong masing² di-beri peluang untuk mengambil bahagian dalam perdagangan ini.

Tun Tan Siew Sin: I do not dispute the validity of the anxiety felt by the Honourable Member, nor do I dispute the importance of the question itself. All I am suggesting is that this is a matter for PERNAS to answer.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukop.

(*Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukop dan Jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 19 hingga 51 ada-lah di beri di-bawah ini*).

BUKU² TEKS—BANTUAN KEWANGAN

19. Tuan Su Liang Yu bertanya kepada Menteri Kebajikan 'Am sama ada beliau sedar bahawa bantuan kewangan yang di-beri kepada murid² kawasan² luar bandar dan bandar untuk membeli buku² teks hanya akan di-beri kepada mereka pada bulan Jun atau Julai tahun ini, yang mana menyebabkan kesusahan; jika ya, apa tindakan yang beliau berchadang hendak ambil bagi menentukan supaya bantuan kewangan dapat di-berikan lebeh awal lagi.

Menteri Kebajikan 'Am (Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim): Ada-lah tidak benar bahawa semua murid di-kawasan luar bandar dan dalam bandar yang perlukan bantuan kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi membeli buku² teks, akan di-berikan bantuan seperti itu di-dalam bulan Jun atau Julai. Sebanar-nya kebanyakan semua

(*Dengan izin*) It is not true that all pupils in rural and urban areas requiring financial assistance from the Welfare Department for purchase of text-books will be given such assistance in June or July. In fact, almost all such children have already received assistance, but there may be isolated cases who have not received assistance because of late applications. However, to further expedite giving such assistance, the Government has already appointed a Committee to look into the matter.

PENGANGGOR² DI-SABAH— BILANGAN

20. Pengiran Tahir bin Pengiran Paterna minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bilangan penganggor di-Sabah telah bertambah akibat kejatohan harga getah dan kayu balak, dan jika ya, nyatakan kadar tambahannya dan langkah² yang di-ambil oleh Kementerian ini untuk memperbaiki keadaan ini.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Sementara terdapat bertambah-nya bilangan penganggor² di-perusahaan getah berikutan dengan kejatohan harga² dagangan, ada terdapat faktor penggantian ia-itu Perusahaan Kelapa Sawit yang sedang berkembang dengan baik dan akan dapat menyerap penggantian perusahaan getah.

Kementerian ini sedang mengkaji chadangan bagi satu skim buroh yang membuat pergerakan dalam kawasan di-Negeri Sabah, yang mana sekira-nya di-selenggarakan akan dapat memainkan peranan penting memindahkan tenaga buroh dari kawasan² yang berlebehan ka-kawasan² yang berkurangan.

Mengenai Perusahaan Kayu Balak, ada-lah di-ketahui bahawa terdapat bilangan penganggoran mengikut masa, yang mengakibatkan kemundoran yang mana juga akan memperbaiki kedudukan-nya apabila keadaan keseluruhannya menjadi bertambah baik.

The Ministry is studying a proposal for an internal mobility scheme in Sabah, which if implemented, will be able to play a great role in moving labour from areas of surpluses to areas of shortages.

As regards the timber industry, however, it is generally known that there is seasonal unemployment which resulted temporary setbacks which remedies itself when the general position improves.

LAPORAN AZIZ—PERLAKSANAAN DI-SARAWAK

21. Tuan Pengarah Rahun Anak Debak minta Menteri Pelajaran menyatakan bila-kah shor² Laporan Aziz terhadap guru² akan di-laksanakan di-Sarawak.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Saperti mana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alom bidang tugas Surohanjaya Gaji Guru² (Surohanjaya Gaji Aziz) tidak meliputi guru² di-Malaysia Timor. Walau bagaimana pun sa-buah Jawatan-kuasa Kerja telah di-tubuhkan yang mengandongi, antara lain, wakil Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengkaji kemungkinan melaksanakan shor² Surohanjaya Gaji Guru² (Surohanjaya Gaji Aziz) di-Malaysia Timor saperti yang telah di-laksanakan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 tahun 1971 mengenai gaji² baru, sharat² dan peratoran² perkhidmatan bagi guru² di-Malaysia Barat.

Di-Sarawak, sa-buah Jawatan-kuasa telah di-tubuhkan oleh Kerajaan negeri untuk mengkaji soal perubahan gaji dan sharat² dan peratoran bagi guru². Jawatan-kuasa ini di-jangka akan menyampaikan laporan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk di-pertimbangkan.

JAMBATAN TEMERLOH—PEMBENAAN

22. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan, memandang kepada arahan Perdana Menteri dalam bulan Februari 1971 bahawa jambatan di-Temerloh itu mesti-lah di-bena dalam masa setahun, nyatakan kemajuan yang di-chapai sehingga sekarang.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Berikut ini saya sebutkan butir² mengenai pembenaan jambatan di-Temerloh itu. Sa-buah Jurutera Perunding (G. Maunsell & Partners, London)

telah di-lantek mereka-bentok jambatan ini pada 14-5-71. Tawaran telah di-keluarkan pada 16-11-1971. Konterek di-keluarkan pada 17-3-1972. Tarikh di-jangka siap pada saperti berikut:

Kemajuan hingga pada masa ini ia-lah saperti berikut:

Site office	...	Telah siap.
Site clearance	...	Di-kedua ² belah tebing mencapai 90% siap.
Main Pier...	...	Kerja ² sementara baharu sahaja di-mulakan.
West Abutment	...	Kerja ² sementara sedang di-lakukan dan mencapai 50% siap.
Core drilling	...	Menchapai 20% siap.
Structural Steel dan shop drawing		Sudah pun siap dan sudah pun di-hantar untuk di-luluskan.

PERKHIDMATAN BAS KAMPONG PANDAN—KEKURANGAN

23. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada beliau sedar akan kekurangan perkhidmatan bas di-kawasan Kampong Pandan terutamanya di-antara jam 6 pagi dan 9 pagi.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kementerian berpendapat bahawa perkhidmatan bas di-kawasan Kampong Pandan ada-lah memuaskan sa-bagaimana menurut jadual perjalanan sharikat bas yang menjalakan perkhidmatan di-kawasan tersebut di-antara jam 6 pagi dan 9 pagi ia-itu saperti berikut:

Nombor Perjalanan	Bilangan terip pergi dan balik di-antara 6.10 pagi dan 9.22 pagi
106 K.L.-Kampong Pandan Settlement	9
112 K.L.-Kampong Pandan Govt. Quarters	14
118 K.L.-Kampong Pandan Malay Settlement	9

Jika sa-kira-nya perkhidmatan bas yang ada pada masa sekarang ini tidak memberi kemudahan yang sa-wajar-nya maka perkara ini hendak-lah di-bawa kepada pengetahuan

sharikat bas berkenaan supaya sharikat tersebut boleh mengemukakan permohonan menambah perkhidmatan bas-nya kepada Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan.

KAYU BALAK—PENGELUARAN

24. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar tentang pengeluaran kayu balak sa-chara tidak berdiskriminasi dan jika sedar, apa langkah telah di-ambil untuk memelihara hutan² kita.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Saya ada-lah sedar atas berlaku-nya keadaan pembukaan kawasan² hutan untuk di-balak yang berkeluasan besar. Di-bawah kuatkuasa Perlembagaan Malaysia, kuasa berkaitan dengan tanah dan hutan ada-lah terletak di-atas Kerajaan² Negeri. Pada masa yang lepas dasar² pembangunan ada-lah memberi keutamaan kepada pembukaan tanah untuk pertanian dan perkembangan kawasan² hutan untuk mendapat revenue. Pada masa akan datang dasar² untuk jangka panjang perlu-lah di-timbang. Dari itu untuk menyatu atau menyelaraskan operasi² berkaitan dengan perhutanan satu Majlis Perhutanan Negara telah di-tubuhkan dan dalam Majlis ini semua Menteri² Besar dan Ketua² Menteri ada-lah menjadi ahli. Majlis ini akan menentukan semua dasar² yang berkaitan dengan operasi² perhutanan, termasuk-lah juga operasi berkaitan dengan pembukaan hutan untuk di-balak supaya diselaraskan bagi keseluruhan negara sejajar dengan kehendak² prinsip “sustained-yield management” dan mencheegah pembaziran khazanah.

SIJIL² SC/HSC—KELULUSAN PELAJAR² SARAWAK

25. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan pelajar² anak negeri di-Sarawak yang telah lulus Peperiksaan Senior Cambridge dan Sijil Tinggi Persekolahan baharu² ini;
- (b) peratus anak² negeri yang lulus daripada jumlah penoh mereka yang lulus bagi kedua² Peperiksaan;
- (c) bilangan anak² negeri yang lulus Peperiksaan Senior Cambridge yang telah mendapat tempat dalam Tingkatan Enam tahun ini; dan

(d) bilangan anak² negeri yang lulus S.T.P. yang di-beri biasiswa² untuk meneruskan pengajian² mereka di-Universiti² dalam Malaysia dan di-Seberang Laut.

Tuan Hussein bin Dato' Onn:

- (a) Sijil Persekolahan Cambridge 623
Sijil Persekolahan Tinggi
Cambridge 35
- (b) Sijil Persekolahan Cambridge 24.7%
Sijil Persekolahan Tinggi
Cambridge 13.5%
- (c) 184.
- (d) 35. Bilangan ini tidak termasuk penuntut² yang belajar di-bawah biasiswa MARA, Bank Negara, Shell dan lain² badan bukan Kerajaan.

PEJABAT FAMA DI-SARAWAK— MENUBOHKAN

26. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sama ada beliau akan menimbang menubuhkan empat lagi pejabat FAMA di-Sarawak bagi meliputi ke-empat² Bahagian yang lain.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Pada masa ini Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan telah pun ada sebuah pejabat wilayah di-Negeri Sarawak yang di-tempatkan di-Kuching. Tugas² utama pejabat ini ia-lah untuk: -

- (a) membantu Kerajaan Negeri Sarawak dalam usaha² memperbaiki pemasaran hasil² pertanian dalam negeri tersebut;
- (b) membantu petani² samada per-saorangan atau melalui pertubuhan² peladang dalam memasarkan hasil² pengeluaran mereka; dan
- (c) menjalankan penyiasatan dan penyelidikan pemasaran bagi hasil² pertanian di-Negeri Sarawak.

Pada masa ini FAMA tidak ada rancangan untuk membuka pejabat² wilayah lain di-negeri tersebut. Penubohan pejabat² wilayah di-Bahagian² lain di-negeri tersebut akan di-timbang apabila di-perlukan dan pegawai² di-perolehi.

Selain daripada itu Jema'ah Pemasaran Lada Hitam, sebuah perbadanan di-bawah

FAMA, telah juga menubuhkan pejabat² chawangan di-Sarikei dan Sibu di-Bahagian III dan di-Simanggang di-Bahagian II, selain daripada menubuhkan Ibu Pejabat-nya di-Kuching di-Bahagian I.

**PEMBANTU² HOSPITAL/BIDAN
DI-BARAM—KEKURANGAN**

27. Tuan Luhut Wan minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau akan menimbang:

- (a) untuk menambahkan bilangan pembantu² hospital dan bidan² untuk berkhidmat di-daerah Tengah dan Ulu Baram; dan
- (b) mendirikan pusat² kesihatan luar bandar di-tempat² yang berikut;
 - (i) Long Lama
 - (ii) Long Teru
 - (iii) Bario
 - (iv) Apoh
 - (v) Lio Matu; dan
 - (vi) Beluru

dalam daerah Baram, Sarawak.

Tuan Lee Siok Yew:

- (a) Penempatan Pembantu² Hospital dan Bidan² ka-sasuat² kawasan ada-lah bergantung kepada kemudahan² perubatan yang ada di-kawasan itu ia-itu Pusat Kesihatan Besar, Pusat Kesihatan Kecil dan Dispensari. Bilangan kakitangan akan bertambah dengan bertambah-nya bilangan Pusat² Kesihatan Kecil.
- (b) Dua buah Pusat Kesihatan Kecil bagi Daerah Baram telah di-luluskan di-bawah Rancangan Malaysia Kedua: Sabuah di-Bario dan sabuah lagi di-Long Teru. Long Lama mempunyai sabuah Pusat Kesihatan Kecil Luar Bandar cum quarters dan tempat ini juga selalu di-lawati oleh sabuah Dispensari Bergerak. Pembinaan pusat kesihatan kecil luar bandar di-Apoh, Lio Matu dan Beluru akan di-beri pertimbangan kemudian.

(Dengan izin)

- (a) The posting of Hospital Assistants and Midwives to an area will depend on the medical facilities i.e. Health Centre, Health Sub-Centre and Dispensary

present in the area. As the number of Health Sub-centres increases so will the number of staff.

- (b) Two Health Sub-centres have been approved in the Second Malaysia Plan for the Baram District. These will be at Bario and Long Teru. Long Lama has a Rural Health Sub-centre cum quarters at present and it is also visited by our Travelling Dispensary regularly. Consideration for establishment of rural health sub-centres at Apoh, Lio Matu and Beluru will be given later on.

**PENEMPATAN SA-MULA PENDUDOK²
SARAWAK**

28. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada (i) rancangan² penempatan sa-mula yang berpelan dapat di-mulakan di-kawasan² yang sedikit sangat penduduk²-nya dalam Sarawak untuk menyuraikan penduduk² kawasan² sesak dari berpusu di-kawasan² dalam bandar dan (ii) supaya di-sediakan tanah bagi mereka yang tidak mempunyai tanah.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tanah ada-lah urusan Kerajaan Negeri. Soalan sa-umpama ini telah di-bangkitkan dan di-terangkan dengan jelas-nya di-Majlis Meshuarat Negeri.

Bagaimana pun, bagi menjawab soalan itu, sa-chara ringkas di-nyatakan bahawa pada masa sekarang sudah pun ada 9 Rancangan Pembangunan Tanah yang berjalan untuk menempatkan semula penduduk², ia-itu 7 Rancangan untuk getah dan 2 untuk kelapa sawit. Jumlah keluasan rancangan² itu ia-lah 11,000 ekar untuk getah dan 8,000 ekar untuk kelapa sawit. Sebagai tambahan satu Rancangan Penempatan Pemuda ada-lah di-dalam proses pelaksanaan, dan ini merupakan sebahagian daripada 24,000 Rancangan Kemajuan Tanah yang di-chadangkan untuk di-buka di-negeri ini di-tahun² akan datang di-dalam Rancangan Malaysia Kedua. Pada masa sekarang seramai 1,200 peneroka² telah di-pilih untuk rancangan² getah sementara bilangan yang di-pilih untuk rancangan kelapa sawit ia-lah 182.

Ada-lah menjadi polisi Kerajaan untuk mengadakan tanah kepada orang² yang tak bertanah.

(Dengan izin) Land is a State matter and this sort of question has been raised and clearly explained in Council Negri.

However, to answer the question briefly, there are already 9 Land Development Schemes at present in operation in Sarawak for resettling the people, i.e. 7 for rubber and 2 for oil palm. The total acreage for these rubber and oil palm schemes is 11,000 acres and 8,000 acres respectively. In addition, a Youth Settlement Scheme is in the course of implementation and this forms part of the 24,000 acres of Land Development Schemes proposed to be opened in the State for the rest of the period of the 2nd Malaysian Plan. At the moment, 1,200 settlers have been selected for the rubber scheme while the number selected for the oil palm scheme at present is 182 and this forms part of it as only about 2,000 acres so far has been planted. It has always been the policy of the State Government to provide land for the landless.

PEKERJA² MSA—RA'AYAT MALAYSIA

29. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) dari jumlah bilangan pekerja² MSA berapa ramai yang mahu berkhidmat dengan MAS; dan
- (b) bilangan ra'ayat Malaysia dari jumlah itu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

- (a) Dari sa-jumlah 5,889 orang pekerja² MSA, sa-banyak 1,768 orang telah memilih untuk bekerja dengan MAS; dan
- (b) Dari jumlah 1,768 orang pekerja² MSA yang telah memilih untuk bekerja dengan MAS, sa-banyak 1,604 orang terdiri dari warganegara Malaysia.

Angka² yang saya sebutkan tadi ada-lah berdasarkan kepada keadaan yang ujud pada tarikh 21hb April, 1972.

HURUF SINGKAT MSA— PENYELESAIAN MAHKAMAH

30. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perhubungan menyatakan kenapa perlu soal penggunaan huruf singkat MSA oleh Sharikat Penerbangan Mercury Singapura, di-selesaikan di-Mahkamah di-Singapura.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Penyelesaian berkenaan dengan penggunaan huruf singkat MSA oleh Sharikat Penerbangan Singapura perlu di-perbuat di-mahkamah di-Singapura oleh kerana Sharikat tersebut ia-lah satu Sharikat yang di-tuboh dan di-daftarkan di-Singapura.

METRIC SYSTEM—KIRAAN BATU DI-JALAN RAYA

31. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan bila-kah Kementerian-nya hendak menggunakan "metric system" menggantikan batu di-jalan raya sa-bagai permulaan melazimkan ra'ayat dan pengguna² jalan raya atas kegunaan metrik itu.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Pehak Kementerian dan J.K.R. akan melaksanakan kerja ini dengan berperengkat². Sa-bagai permulaan-nya, pada tahun ini batu jalan dalam kiraan metrik akan di-gunakan dari Kuala Lumpur ka-Klang dan ka-Lapangan Terbang Subang. Peruntokan bagi menukarkan batu jalan ini di-bandar² besar yang lain akan di-masokkan ka-dalam Anggaran Belanjawan tahun 1973. Batu jalan metrik dalam seluruh Malaysia Barat akan dipasang berperengkat² sa-hingga tahun 1981.

RUMAH² TOL MUAR/BATU PAHAT/ SLIM RIVER—KUTIPAN

32. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan jumlah wang telah dikutip di-seteshen Tol Muar, Batu Pahat, Sungei Slim dan Peramu semenjak kutipan ini di-mulakan dan jumlah wang pada tiap² tahun bagi satu² seteshen sa-hingga akhir tahun 1971; jika kutipan ini merosot apa-kah sebab²-nya.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Kutipan Tol yang di-buat oleh Kerajaan Persekutuan ia-lah dari rumah² Tol di-Muar, Batu Pahat dan Slim River sahaja.

Di-bawah ini saya turunkan jumlah yang telah di-pungut hingga ka-tahun 1971.

SLIM RIVER

Kutipan telah di-mulakan pada 16hb Februari, 1966:

Tahun 1966 sa-banyak \$	449,205.55	telah di-pungut		
.. 1967 ..	594,860.66
.. 1968 ..	789,203.32
.. 1969 ..	912,816.20
.. 1970 ..	1,085,390.80
.. 1971 ..	1,228,647.55
Jumlah ...	<u>\$5,060,124.08</u>

MUAR

Kutipan di-mulakan pada 15hb Mach, 1967 ia-itu:

Tahun 1967 sa-banyak \$	761,748.00	telah di-pungut		
.. 1968 ..	1,234,329.30
.. 1969 ..	1,349,926.00
.. 1970 ..	1,542,141.25
.. 1971 ..	999,083.75
Jumlah ...	<u>\$5,887,228.30</u>

BATU PAHAT

Kutipan di-mulakan pada 28hb Jun, 1967 ia-itu:

Tahun 1967 sa-banyak \$	154,273.00	telah di-pungut		
.. 1968 ..	426,998.14
.. 1969 ..	445,041.45
.. 1970 ..	517,116.80
.. 1971 ..	373,611.15
Jumlah ...	<u>\$1,917,040.54</u>

Kutipan² Tol ini pada umum-nya tidak merosot. Tetapi pada tahun 1971, kadar bayaran yang di-kenakan di-Tol Batu Pahat dan Muar telah di-kurangkan dan ini menyebabkan kutipan juga merosot.

RANCHANGAN² LKTP—PEMOHON² KAMPONG BARU

33. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan jumlah borang² permohonan untuk mengambil bahagian di-dalam ranchangan² L.K.T.P. yang telah di-bahagi²kan

kapada penduduk² kampung baru dalam masa empat bulan yang pertama tahun 1972.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Sa-belum permohonan di-tutup baru² ini, borang² untuk memasoki ranchangan² L.K.T.P. boleh di-dapati daripada Pejabat² Daerah, Pejabat Setiausaha/Pengawal Wilayah L.K.T.P. dan juga Ibu Pejabat L.K.T.P. Borang² telah dikeluarkan kapada sesiapa juga yang meminta dan Lembaga tiada pula menchatitkan nama² mereka yang meminta. Oleh itu Lembaga tidak dapat mengetahui berapakah daripada mereka yang mengambil borang itu datang-nya daripada penduduk² kampung² baru.

(*Dengan izin*) Before the new applications were temporarily frozen recently application forms were obtainable from District Officers, FLDA's Regional Secretaries/Area Controllers and also from FLDA's Head Office. Application forms were issued to any individual who requested them and FLDA did not record them. Consequently, it is not possible for FLDA to ascertain how many of the applicants who received the application forms constitute the new villagers.

GURU² DALAM PERKHIDMATAN PERGURUAN—JUMLAH

34. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- jumlah guru² yang telah memoleh memasoki Perkhidmatan Perguruan yang baru di-bawah Tangga Gaji Aziz;
- jumlah guru² yang memoleh memasoki Perkhidmatan Perguruan di-bawah Lembaga Pusat; dan
- jumlah guru² yang tidak memoleh apa² dan saterus-nya telah meninggalkan Perkhidmatan Perguruan.

Tuan Hussein bin Dato' Onn:

- 60,788.
- Ma'alumat ini tidak dapat di-beri kerana tawaran belum lagi di-buat.
- Tiada.

PERMOHONAN² MENYERTAI RAN- CHANGAN LKTP—MEMBEKUKAN

35. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- sama ada benar bahawa Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah

31st March, 1972, 107 companies have been approved for building factories in Penang. The Total employment expected to be generated by these companies is 16,439 jobs.

PENYELARASAN KEMAJUAN² KAMPONG² BARU

41. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dengan Tugas² Khas menyatakan apa-kah langkah² konkrit yang telah di-ambil oleh beliau untuk membaiki kehidupan ekonomi, sosial, pelajaran dan kebudayaan 900,000 penduduk² kampong² baru semenjak ia memegang jawatan tersebut pada 1hb Januari.

Menteri Tugas² Khas (Dr Lim Keng Yaik): Bagi menjawab soalan ini wajar-lah di-terangkan tugas saya, ia-itu "PENYELARASAN KEMAJUAN KAMPONG² BARU"; dan selaras dengan tugas ini saya telah pun meminta Kerajaan² Negeri untuk :

- (a) menyegerakan pengeluaran pajakan tanah di-kampong² baru;
- (b) menimbangkan tempoh pajakan yang berpatutan; dan
- (c) mengurangkan "premium" dan hasil tanah bagi penduduk² asal serta anak² mereka yang telah dewasa dan mempunyai keluarga masing².

Sa-lain dari itu, satu kajian sedang di-buat untuk menentukan projek² dan kemudahan² yang perlu di-timbangkan.

(*Dengan izin*) In answering this question it is appropriate to state my duty, namely, "CO-ORDINATION OF DEVELOPMENT IN NEW VILLAGES"; and in line with this I have already requested State Governments to:

- (a) speed up the issue of leases of land in new villages;
- (b) consider a reasonable period of lease; and
- (c) reduce land premium and rent for original settlers and their children who have grown up and have families of their own.

Besides, a survey is being conducted to ascertain what projects and amenities are to be considered.

KEMAJUAN² EKONOMI DI-KAMPONG² BARU

42. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dengan Tugas² Khas menyatakan sama ada beliau mempunyai apa² kuasa atau wang untuk menjalankan kemajuan² ekonomi, sosial dan pelajaran 500 kampong² baru di-Malaysia.

Dr Lim Keng Yaik: Saya telah di-lantek sa-bagai Menteri Tugas² Khas di-dalam Jabatan Perdana Menteri dengan di-beri tugas "PENYELARASAN KEMAJUAN KAMPONG² BARU". Oleh itu nyata-lah bahawa penyelarasan ada-lah menjadi tanggung-jawab saya.

Saya sedang menjalankan satu kajian untuk menentukan projek² dan kemudahan² yang perlu di-timbangkan bagi kampong² baru dan kemudian saya akan memohon supaya peruntukan di-beri kepada Kementerian²/Jabatan² dan Kerajaan² Negeri yang berkenaan untuk melaksanakan projek² yang mustahak.

(*Dengan izin*) I have been appointed Minister with Special Functions in the Prime Minister's Department and given the duty of "CO-ORDINATION OF DEVELOPMENT IN NEW VILLAGES". It is, therefore, clear that co-ordination is my responsibility.

I am now conducting a survey to ascertain what projects and amenities are to be considered for new villages and then I will request for funds to be given to the Ministries/Departments and State Governments concerned for implementation of necessary projects.

KERETA²/LORI² DAERAH KLUANG— PEMEREKSAAN PEGAWAI²

43. Tuan Tiah Eng Bee minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada beliau akan menghantar pegawai² dari pejabat P.P.K.M., Johor Bahru untuk memeriksa kereta² dan lori² di-Daerah Kluang daripada menghantar kereta² motor itu ka-Johor Bahru untuk di-pereksa yang biasanya memakan masa sa-hingga 2 atau 3 hari.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Pendaftaran dan Pemeriksa Kanan Kereta² Motor Johor Bahru ada menghantar Pegawai² Pemeriksa Kereta ka-Daerah Kluang untuk menjalankan kerja² memeriksa kenderaan² pengangkutan perdatangan di-daerah ini ia-itu sa-banyak satu

kali dalam sa-bulan. Kalau perlu, lawatan yang demikian itu boleh di-adakan lebih kerap lagi jika kerja² memereksa kenderaan² sa-makin bertambah banyak.

PANGGILAN² TALIPON SEREMBAN KA-PORT DICKSON—MEMPERBAIKI

44. **Dr. A. Soorian** minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) mengapa-kah panggilan² talipon yang di-buat dari Seremban ka-Port Dickson mengambil masa yang begitu lama untuk di-sambungkan atau di-jawab; dan
- (b) mengapa-kah perchakapan² tersebut terlalu sukar hendak di-dengar.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

- (a) Kelambatan bagi menyambong panggilan talipon di-antara Seremban dan Port Dickson berlaku dalam tempoh sebek. Untuk membaiki perkhidmatan, Jabatan Talikom telah pun merancang bagi membena sebuah ibusawat talipon automatik di-Port Dickson. Kedua² projek yang berharga lebih-kurang \$1.2 juta ini akan siap pada lewat tahun 1974. Sementara itu, Jabatan Talikom akan mengambil segala tindakan yang boleh bagi menentukan supaya panggilan² di-antara kedua tempat itu tidak terlambat dengan tidak apa² sebab.
- (b) Perkhidmatan di-antara Seremban dengan Port Dickson adalah melalui talian dawai tiang dan perchakapan² melalui dawai tiang ini adalah terang melainkan pada masa rosak talian ini atau rosak alat² talipon. Apabila kerosakan sa-macham ini di-adukan atau di-kesan melalui ujian² rutin Jabatan Talikom akan membaiki-nya dengan secepat mungkin.

HARGA GULA—CHADANGAN MENURUNKAN

45. **Dr. A. Soorian** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kementerian-nya berchadang menurunkan harga gula sa-banyak 5 sen sa-kati memandangkan kesusahan yang di-hadapi

oleh penduduk² di-kampong, kampong² baru dan ladang² getah.

Tuan Mohamed Khir Johari: Menteri² dan Pegawai² Kerajaan telah memberi keterangan chukup berkenaan perkara ini dan kami tidak ada apa² lagi hendak tambah.

(*Dengan izin*) Government Ministers and officials have said enough on this subject and we have nothing further to add.

PASOKAN SUKARELAWAN AMERIKA DI-SEKOLAH²

46. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Pasokan Sukarelawan Amerika di-tempatkan hanya di-sekolah² sahaja untuk mengajar mata² pelajaran tertentu atau mereka juga di-arah di-Jabatan² lain di-Malaysia; dan
- (b) nyatakan Jabatan² di-mana mereka di-tempatkan dengan menyebutkan bilangan sa-kali.

Perdana Menteri:

- (a) Sukarelawan² Amerika bukan-lah di-tempatkan di-sekolah² sahaja, mereka juga berkhidmat di-Jabatan² Kerajaan yang lain.
- (b) Jabatan² yang mereka bertugas sahingga 1hb Mei, 1972, ada-lah seperti berikut:

<i>Malaysia Barat</i>		
<i>Kementerian/Jabatan</i>		<i>Bilangan</i>
Pertanian dan Tanah	...	60
Kebudayaan, Belia dan Sokan		2
Kewangan	17
Pelajaran	113
Kesihatan	32
Buroh dan Tenaga Ra'ayat	...	7
Pembangunan Negara dan Luar Bandar	4
Perdana Menteri	2
Kebajikan 'Am	1
		<hr style="width: 100%; border: 0.5px solid black;"/>
		238
		<hr style="width: 100%; border: 0.5px solid black;"/>

Malaysia Timor

SABAH				
Pelajaran	13
SARAWAK				
Pertanian	9
Pelajaran	26
Kesihatan	8
Tanah dan Ukor	1
Kerja Raya	1
				58

JUMLAH BESAR = 296

**FAKULTI PERUBATAN UNIVERSITI
KEBANGSAAN—LANTEKAN
PENSHARAH²**

47. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan memandang kepada usaha Universiti Kebangsaan merancang untuk menubuhkan Fakulti Perubatan dalam tahun 1973, sama ada pehak berkuasa Universiti sudah melantek sa-orang Pensharah Kanan dan Lima orang pensharah biasa sa-bagai langkah persediaan-nya dan jika sudah siapa-kah pensharah² itu.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tawaran telah pun di-buat kepada Dr Amir bin Abas untuk mengisi jawatan Pensharah Kanan. Lantekan bagi jawatan² pensharah biasa sedang di-urus.

**BANGUNAN²ASRAMA/PUSAT²
LATEHAN GURU HARIAN**

48. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimana-kah Bangunan² Asrama/Pusat² Latehan Guru Harian (D.T.C.) yang dahulu itu di-pergunakan.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Pusat² Latehan Guru Harian itu maseh lagi di-gunakan sa-bagai Pusat Latehan Guru, kechuali 9 buah yang sekarang di-gunakan oleh Kementerian Pelajaran saperti berikut:

- (i) Pusat Latehan Guru Kuala Trengganu di-gunakan sa-bagai Pusat Pendidekan Kesihatan dan Nilai Pemakanan.
- (ii) Pusat Latehan Guru Ipoh di-gunakan sa-bagai Politeknik Ungku Omar.

(iii) Pusat Latehan Guru Taiping di-gunakan sa-bagai bangunan tambahan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris King Edward VII.

(iv) Pusat Latehan Guru Telok Anson di-gunakan sa-bagai bangunan tambahan Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz.

(v) Pusat Latehan Guru Melaka di-gunakan sa-bagai bangunan tambahan Pejabat Pelajaran Melaka.

(vi) Pusat Latehan Guru Seremban di-gunakan sa-bagai bangunan tambahan asrama bagi murid² Sekolah Dato' Abdul Razak dan Sekolah Rendah King George V.

(vii) Pusat Latehan Guru Kuantan di-gunakan sa-bagai bangunan tambahan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Ayer Puteh.

(viii) Pusat Latehan Guru Raub di-gunakan sa-bagai bangunan tambahan asrama Sekolah Menengah Mahmud.

(ix) Pusat Latehan Guru Muar telah di-kembalikan kepada Kerajaan Negeri.

THE PLEN—MEMBINCHANGKAN

49. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau telah membinchangkan "The Plen" dengan Perdana Menteri Singapura pada masa lawatan beliau ka-Kuala Lumpur baru² ini; dan jika ada, apa-kah keputusan-nya dan sama ada Kerajaan Malaysia memandang berat tentang hal ini.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tidak.

KEGIATAN² KOMINIS—KAJIAN

50. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan telah membuat kajian mengapa kominis telah bertambah kuat sejak tahun 1969.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Kerajaan ada-lah sentiasa menjalankan kajian dan mengumpul ma'alumat² mengenai kegiatan² kominis. Kertas² Puteh berkenaan dengan anchaman kominis ada di-keluarkan dari semasa ka-semasa. Hasil daripada kajian² itu ada-lah menunjukkan bahawa kominis dalam negeri tidak bertambah kuat sejak tahun 1969 saperti di-nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

NEGARA² YANG DI-LAWATI—PERDANA MENTERI

51. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) negara² yang telah di-lawati sejak beliau memegang jawatan Perdana Menteri;
- (b) ia-itu selain dari lawatan-nya ka-Burma di-mana tidak terdapat apa² kenyataan bersama di-akhir lawatan-nya, sama ada terdapat di-tempat² lain, di-mana tidak ada kenyataan bersama yang di-keluarkan sa-lepas lawatan²-nya; dan
- (c) sebab² mengapa tidak ada kenyataan bersama yang di-keluarkan dengan Jeneral Ne Win.

Perdana Menteri: (a) Negara² yang telah saya lawati semenjak saya memegang jawatan Perdana Menteri ada-lah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Haribulan</i>	<i>Negeri² yang di-lawati</i>
1970	14hb hingga 16hb Disember	Thailand
	17hb hingga 19hb Disember	Indonesia
1971	14hb hingga 21 Januari	Singapura untuk menghadiri sidang Perdana Menteri ² Commonwealth
	3hb hingga 24hb April (Pada masa menghadiri meshuarat Pertahanan Lima Negara di-London saya telah membuat lawatan ka-Saudi Arabia, Perancis dan Jerman Barat)	
	24hb September hingga 17hb October ...	Amerika Sharikat untuk menghadiri Perhimpunan Bangsa ² Bersatu dan melawat Kanada dan Jepun
1972	16hb hingga 19hb Februari	Burma

(b) Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum, tidak-lah sa-mesti-nya bahawa kenyataan bersama itu harus di-keluarkan sa-lepas sesuatu lawatan. Kebiasaan-nya kenyataan bersama itu di-keluarkan hanya sa-telah kedua pehak bersetuju berbuat demikian. Sebagai chontoh, semasa lawatan saya ka-Britain, Perancis, Jerman dan Amerika Sharikat, tidak ada kenyataan bersama di-keluarkan; dan

(c) Lawatan saya baru² ini ka-Burma ia-lah dengan tujuan mengadakan perbincangan tidak rasmi mengenai perkara kepentingan bersama dengan Jeneral Ne Win. Kedua² belah pehak merasa tidak-lah perlu mengeluarkan kenyataan bersama.

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT

RANG UNDANG² PERIHAL PERDAGANGAN

Rang Undang² bernama "an Act to consolidate and amend the laws relating to merchandise marks with new provisions prohibiting misdescription of goods provided in the course of trade and false or misleading indications as to the price of goods; conferring power to require information or instructions relating to goods to be marked on or to accompany the goods or to be included in advertisements; and for related purposes;" di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan dibachakan kali yang

pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada Persidangan akan datang.

RANG UNDANG² PERUSAHAAN NENAS (PINDAAN)

Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Perusahaan Nenas 1957; di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Perusahaan Utama di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² PEGUAMBELA DAN PEGUAMCHARA (PINDAAN)

Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Peguambela dan Peguamchara, 1947; di-bawa ka-dalam Meshuarat

oleh Peguam Negara di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada Meshuarat yang akan datang.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² PERBEKALAN TAMBAHAN (1971 dan 1972)

Bachaaan Kali Yang Kedua

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tanggohkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang² ini di-bachakan kali yang kedua sekarang." (19hb Mei, 1972).

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, menyambong ucapan saya kelmarin berhubong dengan bertambah-nya pengganas² kominis dalam negeri ini, mereka telah masok dalam negeri ini melalui Sarawak, Kedah dan Perak dengan chara militant, Kerajaan jangan-lah memandang sepi kerana tujuan yang marak sekarang hendak melancharkan satu pemberontakan menunggu sa'at dan ketika-nya, juga supaya di-gulingkan Kerajaan yang ada sekarang dengan chara kekerasan yang mana telah dapat di-beri sokongan oleh sa-bilangan ra'ayat dalam negeri, bagaimana jawapan yang di-berikan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Walau pun kita telah mengadakan perintah berkurong dan di-sertakan dengan berbagai nama operasi, tetapi kurang berkesan, menurut hemat saya, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, saya minta Kerajaan mengkajikan dengan serious-nya perkara ini dan mengishtiharkan undang² perlu di-kawasan berkurong yang ada sekarang, dan di-serahkan dengan sa-penoh-nya di-bawah Pentadbiran Tentera dengan alasan² yang saya berikan saperti berikut:

- (1) Pembunuhan kejam yang tidak berperikemanusiaan terhadap ra'ayat biasa dalam negeri ini.
- (2) Serangan ganas sa-bilangan ramai ahli² Pasokan Keselamatan kita hingga menjadi korban pengganas² itu.
- (3) Orang ramai di-kawasan berkurong dalam ketakutan dengan ugutan yang di-datangkan oleh ejen² pengganas ini.
- (4) Orang ramai mengatakan bahawa undang² yang ada sekarang lembut,

longgar, tidak bagaimana yang di-jalankan di-Indonesia dan juga di-Thailand.

- (5) Perkembangan penyeludupan senjata baru² ini. Ini sangat kita khuatiri.
- (6) Wujud-nya khemah dan tempat memberi latehan kominis dan telah pun banyak dari warganegara kita menjadi kader² kominis yang menerima latehan.
- (7) Tidak menghiraukan sama sa-kali seruan Kerajaan supaya mereka menyerah diri.
- (8) Perkembangan pergolakan kominis di-kawasan² negeri² yang berjiran dengan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kira-nya tidak dapat kita jalankan undang² tentera, bagaimana yang saya shorkan itu, maka susah kita hendak mengatasi ra'ayat yang bershubahat, ra'ayat yang menyimpan senjata dan penyeludup² senjata. Sa-kira-nya undang² ini kita jalankan, kita dapat menghukum mereka dengan sa-timpal dan sangat senang di-terima oleh ra'ayat yang sentiasa keamanan dan keadilan dalam negeri ini. Kita mesti tumpaskan mereka, Tuan Yang di-Pertua, sa-belum mereka tumpaskan kita. Kalau ta' boleh undang² bagaimana yang telah saya katakan ini, Tuan Yang di-Pertua, maka hendak-lah Kerajaan mengkaji semula dengan di-kuatkuasakan undang² yang sekarang dan di-banyakkan brigid tentera kita bagi menentang pengganas² kominis ini.

Tuan Yang di-Pertua, berchakap di-dalam Kementerian ini juga, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, gemar saya menarek perhatian Kerajaan supaya melonggarkan pemilikan senjata kepada orang ramai terutama sa-kali penduduk di-luar bandar bagi mensesuaikan supaya taraf hidup mereka boleh baik melalui kebun² mereka melalui dusun² mereka. Sebab undang² yang ada sekarang, Tuan Yang di-Pertua, menurut hemat saya sangat ketat ia-itu sa-orang yang mempunyai senapang tidak boleh membunuh mangsa² tanaman-nya di-kawasan² lain. Saya harap Kerajaan dapat memikirkan, kalau sa-buah kampung itu penduduk di-situ ada menyimpan senjata kerana memusnahkan binatang² yang merosakkan tanaman² dan buah²an-nya, boleh di-benarkan seluroh kawasan itu. Dan dengan keadaan ini akan memberi harapan baik kepada peladang² kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap dalam perkara B. 5 Surohanjaya Perkhidmatan Awam. Dalam projek yang penting di-bawah Rancangan Malaysia Kedua di-antara-nya termasuk Perkhidmatan Awam. Apa yang saya hendak bangkitkan dalam masalah ini ia-lah pelaksanaan Bahasa Kebangsaan dalam semua Kementerian dan pentadbiran, menurut hemat saya belum sempurna dan banyak yang di-longgar²kan oleh sa-tengah² Jabatan dan beberapa sungutan orang ramai telah kita terima dalam masaalah ini. Oleh itu, saya mengeshorkan kepada Kerajaan supaya menubuhkan satu Jabatan Penyemak Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan dan meminta tiap² Kementerian memberikan laporan penoh atas sa-takat mana Bahasa Kebangsaan telah di-amalkan dan di-laksanakan. Badan ini, pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, boleh mengikut 3 jurusan:

- (1) Bahasa Kebangsaan dengan orang ramai.
- (2) Bahasa Kebangsaan dalam pentadbiran.
- (3) Bahasa Kebangsaan di-antara pegawai² Kerajaan di-Pejabat².

Sebab kita pernah dengar dan ra'ayat pernah bersungut bahawa sa-tengah—bukan semua—sa-tengah² pegawai Kerajaan mereka tidak menghormati Bahasa Kebangsaan. Satu chontoh, kalau kita pergi ka-General Hospital, kita sa-olah² pergi ka-General Hospital dalam negeri Ingeris. Jadi pegawai²-nya tidak suka menggunakan Bahasa Kebangsaan, hanya kalau dia hendak berchakap Bahasa Kebangsaan melalui budak pelayan, atau pun orang² bawah. Saya harap pelaksanaan ini, kepatohan pegawai² Kerajaan sa-sama pegawai² Kerajaan menunjukkan penghormatan terhadap Bahasa Kebangsaan, sa-telah itu baharu Bahasa Kebangsaan akan dapat berdaulat. Kalau orang besar di-atas-nya tidak melaksanakan Bahasa Kebangsaan, orang di-bawah-nya tentu lebeh lagi melonggarkan dalam masaalah ini. Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap dalam B. 61 Kementerian Perusahaan Utama.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kita belum sampai lagi dalam peringkat Jawatan-kuasa Ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Kalau belum, Tuan Yang di-Pertua, saya menarek perhatian Majlis ini dalam Kementerian Perusahaan Utama.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya berharap Ahli Yang Berhormat jangan menyentoh terlalu detail sangat dalam perkara ini.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua. Ra'ayat bumi-putra khas-nya menguchapkan terima kaseh kepada Kerajaan yang telah menaikkan harga getah, dan ra'ayat juga berterima kaseh kepada Kerajaan yang telah menjalankan, bersungguh², betul², benar² dapat membaiki harga getah dan keadaan harga getah ada-lah lebeh chemerlang pada masa yang akan datang. Saya menguchapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan sebab bila saya bangkitkan masa'alah ini dan membuat satu pengumuman akan mengadakan satu Persidangan Khas di-Parlimen ini, untuk membinchangkan khas langkah Kerajaan menyusun semula masa'alah perindasterian getah. Gemar saya menarek perhatian, Tuan Yang di-Pertua, yang sangat penting hendaklah Lembaga yang ada sekarang ini di-kaji balek. Sekarang ini ada 3 Lembaga :-

- (i) Lembaga Perusahaan Menanam Getah Sa-mula,
- (ii) Pusat Penyelidikan Getah (R.R.I.), dan
- (iii) Pusat Penyelidikan Pengeluaran Getah Asli.

Ketiga² badan ini, Tuan Yang di-Pertua, di-bawah pengawalan sa-orang ra'ayat bukan warganegara Malaysia. Jadi tentu, Tuan Yang di-Pertua, sa-lama ini segala urusan yang di-tumpukan kepada pekebun² kecil tidak dapat di-beri dengan bersungguh² dan mengechewakan pekebun² kerana dalam badan² ini 90% daripada-nya di-wakili oleh pehak ladang² besar dan juga oleh orang yang bukan warganegara Malaysia ini. Kerajaan wajar membubarkan-nya atau meng-kaji balek badan² ini dengan mengadakan satu Majlis Getah Asli Kebangsaan Malaysia yang Menteri Perusahaan sendiri akan menjadi Pengerusi-nya dan ahli²-nya terdiri daripada wakil² lembaga yang saya sebutkan tadi. Oleh sebab penyusunan itu hendak mensaibangkan faedah keuntungan kepada pekebun² kecil kita, kepada negara ini sa-perti pekebun² kecil yang ada sekarang, hendak-lah di-adakan satu Akta berhubung dengan pekebun² kecil bagaimana Kerajaan mengadakan Akta Persatuan Peladang dan Nelayan bagi ra'ayat negeri ini, kerana pekebun² kecil, Tuan Yang di-Pertua, pada

sa'at sekarang sudah ta' sabar lagi menengok keadaan mereka yang tertekan, mereka mahu menyusun semula akan urusan sama ada penanaman-nya, pada pasaran-nya, dan juga tentang masa'alah kilang² yang Kerajaan dirikan pada hari ini dalam Rancangan Malaysia Kedua, ta' kurang daripada 24 buah kilang. Kilang² ini juga sa-bagaimana pekebun² kecil menghendaki supaya di-serahkan kepada mereka dengan saham itu di-jual kepada mereka.

Dato' Yang di-Pertua, sekarang saya ber-aleh pada Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat. Saya menguchapkan shabas kepada Kerajaan yang telah mengiktiraf 1hb Mei itu sa-bagai perayaan Hari Buroh Negara. Ini ada-lah satu langkah kemajuan yang berani dan satu penghormatan yang tinggi kepada buroh dalam negeri ini.

Dr Tan Chee Khoon: Untok penjelasan, Dato' Yang di-Pertua. Ada-kah Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara sedar bahawa saya telah beberapa kali dalam Dewan ini bertukar² fikiran dengan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memohon 1hb Mei di-ishtiharkan sa-bagai Hari Buroh, tetapi malangnya bukan Menteri sahaja ta' bersetuju, bahkan wakil² daripada pehak yang ada di-kerusi Kerajaan pun juga tidak bersetuju?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Dato' Yang di-Pertua, masa'alah itu saya sedar dan jangan-lah Ahli Yang Berhormat dari Batu dengan sebab Kerajaan mengiktiraf hari 1hb Mei ini konon-nya dengan perjuangan-nya. Ini ada-lah perjuangan Kesatuan Sekerja seluruh Malaysia ini dan dengan penghormatan yang di-berikan kepada Kerajaan bahawa nilai buroh dalam negeri kita ini sama taraf-nya dengan buroh sa-dunia dan ini sangat sesuai-lah sama pembangunan dan sama perkembangan dan kemajuan dalam negeri ini yang menghendakkan tenaga buroh supaya di-pergunakan. Tetapi dalam masa'alah ini, Dato' Yang di-Pertua, gemar saya mengingatkan kepada Kerajaan bahawa sa-bilangan besar menyatakan dalam negeri ini atau pun swasta dalam negeri ini maseh lagi memerah tenaga buroh itu dengan pembayaran gaji yang tidak sa-imbang, dengan pengambilan pekerja yang tidak sa-imbang mengikut kadar kaum dan satu perkara lagi yang saya minta kepada Kerajaan supaya menghapuskan sistem kontrek yang di-amalkan di-ladang² swasta dalam negeri. Sebab

dengan mengadakan sistem kontrek ini, beberapa kejadian yang tidak menyenangkan hati buroh² kita, kadang² kalau kontrek itu datang daripada orang Tionghua, boleh di-katakan 80% dia akan mengambil pekerja²-nya daripada orang Tionghua. Apabila mengambil pekerja orang Melayu, maka di-bayar-nya gaji ta' sama atau pun di-chari helah macham mana hendak membuang pekerja² Melayu. Jadi, bagitu-lah burok-nya, Dato' Yang di-Pertua, sistem kontrek ini patut jangan kita amalkan lagi dalam negeri kita ini.

Dato' Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak sentoh dalam Anggaran Belanja-Tambahan ini ia-itu saya hendak katakan dasar luar negeri sadikit yang mana saya menyokong atas tindakan Kerajaan mengiktiraf Bangla Desh. Ini satu pengiktirafan yang saya pandang sa-bagai satu pengiktirafan yang berani sa-belum negara² Islam yang lain mengiktiraf Bangla Desh, negara kita Malaysia dan Indonesia telah mengiktiraf-nya. Saya memandang bahawa ini satu pandangan Malaysia yang sangat tinggi berdasarkan prinsip Islam, sebab dalam Islam walau pun dua buah negara itu berasingan, tetapi pada hakikat-nya ada-lah satu dan oleh sebab Malaysia ini berbaik pula dengan India, saya harap Malaysia akan memainkan peranan yang penting kepada ketiga² buah negara ini supaya ketiga² negara ini memahami bahawa mereka itu asal-nya satu rumpun daripada Benua India, sama ada Bangla Desh, India atau pun Pakistan. Dengan keadaan ini, kalau tiga buah negara ini ada perasaan muhibbah, bekerjasama dan berpadu, saya yakin dan perchaya bahawa anasir² atau pengaroh² kuasa besar tidak akan dapat menekan negeri yang saya sebutkan itu. Jangan pula kalau terjadi sa-suatu hal dalam masaalah India atau Pakistan atau Bangla Desh, maka akan tersinggong-lah hati umat² Malaysia ini sebab kita banyak persamaan, Dato' Yang di-Pertua, antara Malaysia dengan negara yang tersebut, bukan sahaja dengan sebab ugama, kadang² ada pertalian darah, ada perhubungan kebudayaan. Jadi Malaysia sangat senang-lah kalau di-India itu duduk dalam aman, Malaysia sa-buah negara yang kecil sangat mengharapkan.

Dalam pada itu, Dato' Yang di-Pertua, saya gemar memberitahu Kerajaan bahawa sa-lain daripada perkara kita berbaik² dengan negara² yang saya sebutkan tadi, Malaysia

juga patut menggunakan peri kemanusiaan-nya memikirkan bahawa 400,000 orang umat² Bihar yang ada dalam Bangla Desh itu sedang terancam sekarang ini, sedangkan kita akan mengadakan perhubungan diplomatik dengan Bangla Desh dan perkara pembunuhan, penganiayaan kepada orang² Islam itu akan dapat di-atasi dan malahan pula kalau negeri yang saya katakan Benua India itu ketiga² negara itu dapat bermuhibbah, Dato' Yang di-Pertua, tidak ada lagi masalah ugama, masalah sex, masalah Benggali ta' ada, mereka akan memikirkan masalah bahawa mereka ada-lah satu rumpun dan ini juga patut di-chontohkan atas apa yang telah kita buat Malaysia ini walau pun negara yang kecil

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya terpaksa mengingatkan bahawa Ahli Yang Berhormat sudah berchakap terkeluar daripada perkara yang kita sedang bahathkan sekarang.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Dato' Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas tegoran Dato' Yang di-Pertua, tetapi walau bagaimana pun masalah ini juga, saya fikir, ada-lah pandangan saya sama ada Kerajaan hendak menerima, terpujang-lah kepada Kerajaan.

Akhir-nya, Dato' Yang di-Pertua, saya hendak sentoh dalam Jabatan Penerangan. Jabatan Penerangan ini, Dato' Yang di-Pertua, menurut hemah saya radio dan talivishen memang-lah sangat memuaskan hati orang ramai dengan ada perubahan baharu ini, tetapi beberapa perkara yang saya fikir patut di-fikirkan oleh Kementerian ini. Pertama sa-kali dalam mengadakan drama di-talivishen itu atau cherita² di-radio itu, saya ta' mahu siri cherita itu di-monopoli bergilir². Kalau satu drama itu habis satu siri. Kita beri peluang ahli² pengarang kita, penulis kita supaya tiap² bakat penulis itu dapat menghantarkan drama-nya dan cherita-nya kepada Kementerian ini dan saya harap Kementerian ini jangan banyak sangat menyinggong perasaan kaum, umpama-nya menyinggong perasaan alim ulama', konon dengan sebab alim ulama' berasa menegah dengan kemajuan² yang di-buat oleh ra'ayat luar bandar. Lagi satu jangan-lah sa-kali² menyinggong sangat perasaan orang kampung di-hulu² sampaikan sa-orang wanita itu ta' kenal kepala paip. Itu perasaan yang saya fikir ta' ada terfikir lagi kepada ra'ayat

Malaysia pada masa ini. Jadi, keadaan yang sa-macam ini suapaya betul² di-sesuaikan, jangan membodoh²kan sangat ra'ayat di-luar bandar hinggakan batang paip pun dia ta' kenal.

Yang kedua-nya, Dato' Yang di-Pertua, saya hendak menyatakan di-Dewan ini bahawa di-kawasan saya atau di-selatan Negeri Johor berhubung dengan talivishen ini selalu terganggu dan ini menyusahkan peminat² atau orang yang telah membayar lesen talivishen di-kawasan ini. Saya harap Kerajaan mengkaji balek supaya mengadakan steshen pemancar yang sesuai dengan keadaan ini. Kalau boleh bukan sahaja dapat di-beri kemudahan kepada mereka di-selatan Malaysia daripada Johor, Negri Sembilan dan Melaka, tetapi termasuk-lah negara jiran kita di-Sumatra sa-bagai kawasan Negara ASEAN.

Yang akhir-nya, Dato' Yang di-Pertua, saya gemar memberikan satu ulasan kepada ulasan berita di-Dewan ini yang selalu gambar di-talivishen itu hanya mengeluarkan ahli² wakil ra'ayat dari Batu, tetapi saya harap kepada Kementerian supaya di-samakan dengan gambar Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun duduk penat juga, sa-kali² keluar-lah, apa salah-nya. Jabatan Talivishen ini sangat lokekkan gambar Tuan Yang di-Pertua untuk di-siarkan kepada orang ramai. Kadang² nasehat dan tegoran Tuan Yang di-Pertua itu memang hendak di-dengar oleh seluruh ra'ayat. Saya fikir masalah ini patut di-fikirkan oleh Kementerian yang berkenaan. Terima kasih.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam usul yang di-kemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan dan di-samping ini saya juga mohon izin untuk berchakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita di-kehendaki meluluskan perbelanjaan yang sa-banyak \$29 juta lebeh dan kerap kali apabila Kerajaan di-kehendaki meluluskan Belanjawan Tambahan, saya telah membantah atau menyatakan Kerajaan jangan-lah memboroskan wang ra'ayat di-dalam tanah ayer kita. Apabila kita membahathkan Belanjawan Tambahan Pembangunan, saya telah memberi beberapa contoh tentang kemerosotan yang mana sa-buah alat X-Ray machine telah di-bawa ka-negeri kita sa-lama satu tahun lebeh, tetapi malang-nya tidak

di-gunakan. Hari ini saya juga bernasib baik oleh sebab Pemangku Menteri Kesihatan ada di-sini.

Ada sa-buah hospital di-Kluang yang mana pada tahun 1967 ada sa-buah X-Ray machine telah di-beli dan tidak sampai ka-sana tetapi malang-nya sampai hari ini tidak di-gunakan. Tuan Yang di-Pertua, itu bukan-kah membuang wang ra'ayat di-dalam longkang oleh kerana machine atau alat ini bukan-nya memakan belanja yang kechil, tetapi alat ini semua-nya memakan belanja yang beribu² ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membacha memorandum ini dengan teliti dan saya berpendapat Kerajaan di-memorandum ini berkehendakkan sa-banyak 14 buah kereta. 14 buah kereta yang perbelanjaan-nya berjumlah sa-banyak \$286,510 untuk 14 buah kereta. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kapada Kerajaan, bila-kah Kerajaan hendak memberhentikan perbelanjaan ini? Ada-kah di-sini untuk 9 buah kereta yang perbelanjaan-nya sa-banyak \$214,000 ma'ana-nya sa-buah kereta beharga \$20,000 lebeh. Tuan Yang di-Pertua, kalau Menteri², Timbalan² Menteri atau Pengarah² berkehendakkan kereta mengapa-kah Kerajaan tidak boleh membeli kereta yang murah sadikit bukan yang berharga \$20,000 lebeh. Kalau kita lihat kereta ini tidak payah bayar chukai eksais, chukai jualan, kalau di-tambah semua chukai² ini maka kereta² ini barangkali boleh sampai \$30,000 untuk sa-buah kereta, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan mengatakan Menteri² tidak boleh menukar kereta-nya, tetapi nampak-nya semua Menteri² telah menggunakan Mercedes-Benz. Sa-buah Mercedes-Benz jika di-jaga dengan teliti boleh tahan sampai 10 tahun lebeh. Saya ada sa-buah kereta Mercedes-Benz BJ 2112 dan saya sudah menggunakan-nya sa-lama 10 tahun lebeh juga, mengapa-kah Menteri² atau Pengarah² Kerajaan tidak boleh menggunakan kereta Mercedes-Benz ini lebeh daripada 10 tahun, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan yang di-beri di-dalam memorandum ini di-dalam bahasa Inggeris mereka mengatakan:

“This car is beyond economical repair”. But we all know that a Mercedes-Benz is meant to last a long time. I submit, Mr Speaker, Sir, that the taxpayers of this country will not allow the Government to spend such large sums of money—more than

a quarter million dollars—for fourteen cars for Menteri² Besar, for the Perdana Menteri and also for Directors-General.

Tuan Yang di-Pertua, I wish to touch a little on the recruitment of doctors.

Baharu² ini Kerajaan telah mengambil doktor² daripada Pakistan, Mesir, Indonesia, Burma dan lain² negeri. Saya hendak memberi tahu kapada Kerajaan atau Kementerian Kesihatan, apabila kita mengambil doktor² ini lebeh baik kita menghantar satu rombongan untuk memereksa doktor² di-negeri² mereka saperti yang di-buat pada tahun 1967. Pada masa itu ada satu rombongan terdiri daripada P.S.C., pegawai² daripada Kementerian Kesihatan, daripada Persatuan² Doktor atau Malayan Medical Council. Mereka pergi ka-Korea Selatan untuk memereksa doktor² di-sana dan memilih doktor² di-sana dan apabila doktor² ini datang ka-sini hendak bekerja, saya tidak mendengar ada penduduk² di-sini tidak memuaskan hati tentang kerja² doktor² tersebut daripada Korea Selatan, tetapi pengambilan doktor ini khas-nya daripada Mesir dan dari Pakistan malang-nya Kementerian Kesihatan tidak menghantar satu rombongan kapada kedua² negeri itu, chuma pada pendapat saya sa-orang sahaja pergi ka-sana dan memilih dan melantek doktor² tersebut. Di-harap-lah apabila Kerajaan atau Kementerian Kesihatan berkehendakkan doktor² daripada luar negeri Kerajaan atau Kementerian Kesihatan perlu menghantar satu rombongan untuk memilih doktor² tersebut.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, these doctors who come from abroad are meant to be sent to the rural areas where the need is the greatest for doctors, but, according to the information that I have received, unfortunately, some of the doctors are being asked to work in the urban areas where there is a great competition for places amongst the local doctors. It would defeat the purpose of getting doctors from abroad if we place them in the urban areas and send our own doctors to the rural areas. It should be the other way round: that all foreign doctors, preferably those with health background or health qualification, should be sent to the rural areas and our doctors after a stint in the rural areas should then come back to the urban areas to serve in big hospitals and having gained experience they can be ready to sit for the various examinations that they seek to sit for.

The other thing I gather is that all these doctors who were taken in from abroad have been recruited on the basis of their being placed on the timescale. I gather that, unfortunately, some of them—at least I know of one orthopaedic surgeon—I shall not name the country where he comes from—who said to some very high official, “You know, I have a lot of experience. In my country I am regarded as a specialist. Why are you placing me on the timescale?” Now I beg to submit—of course, qualifications and experience differ from country to country—that if a doctor is recruited on the timescale, then he must remain on the timescale and not try to pull strings here and there to be placed on the superscale.

Saya sekarang hendak mencheritakan Cherita Pendek tentang 5 orang doktor daripada Johor Bahru. Mereka ini telah lulus Preliminary Examination untuk M.R.A.C.P. (Membership of the Royal Australian College of Physicians). Mereka telah lulus peperiksaan itu dan mereka telah di-beri kebenaran dan mereka telah pergi ka-Singapura untuk mengambil peperiksaan latehan dahulu dan peperiksaan final M.R.A.C.P. Malangnya, apabila mereka telah pergi, mereka telah di-beri kebenaran dan mereka sedang berada di-Universiti Singapura, tetapi baharu² ini mereka terkejut kerana telah di-beritahu yang mereka boleh di-beri biasiswa sa-lama tiga bulan, Jan untuk tiga bulan itu mereka mesti menanda-tangani berkhidmat dalam Kementerian Kesihatan sa-lama tujuh tahun.

Now, Mr Speaker, Sir, this country is desperately short of doctors and short of doctors who have higher qualifications and if we treat our young doctors this way, then I beg to submit to the Honourable Acting Minister that we are merely driving away all our doctors. If we drive them into the private sector, we can say that their services are still with us; but if we drive them away either to Singapore or to Australia or to any other country, then we have lost the services of good Malaysians, loyal Malaysians. If this is the way we treat our doctors, no doctor worth his salt will go for a three-month course and sign for a seven-year contract. No doctor worth his salt will do that. He will say, “I will pay you what you want, I will give you 24-hours notice”, as the Minister just now stated about the nurse from Seremban. They will rather give 24-hours notice and get out of the service, because once they get their

M.R.A.C.P. their market value becomes greater. I also gather that amongst these five doctors who are now in Singapore doing the final of the M.R.A.C.P., one of them has been given a scholarship to do radiology. Now, if a person is so versatile, he is good in internal medicine and he is also qualified to take up a course in radiology, then I think the Government should rejoice that there are such doctors who show such versatility, but unfortunately I am told this doctor has had his scholarship for radiology also withdrawn.

Now, “God moves in His mysterious ways His wonders to perform”. I think the Alliance Government moves in very mysterious ways, and I do not know what it seeks to perform. I hope the Honourable Acting Minister of Health will look seriously into this question because if he does not take urgent action to rectify, to say the least, some stupid mistakes on the part of his Ministry officials, then he will lose the services of these five doctors that I have touched on.

Mr Speaker, Sir, I also wish to bring to the attention of the Minister the great dissatisfaction amongst the doctors in the Government Service, in particular among the senior doctors in the various services. I do not say that the Acting Minister is responsible. But I think the Ministry is fully aware, and here I do not say that the Ministry of Health is guilty. The guilty party is possibly either the P.S.C. or the P.S.D. or the Treasury, because they do not realise that doctors take a long time to climb up the scale and a doctor after twenty years of service sees he can go up only to superscale “F”—as all the paediatricians in this country go up to superscale “F”, or all the obstetricians and gynaecologists, contemporaries of mine, go up to “F”, whereas those who graduated 5/10 years after me in Singapore are not in superscale “F” but they are in superscale “A”, “B” and “C”. Now it is the lack of promotion opportunities for the Government doctors that is one of the main reasons why senior doctors who, even though they have put in 20 years of service, just throw it away and go into the private sector. I do hope the Acting Minister, or the Minister when he returns, will take immediate action, in conjunction with the Treasury, the P.S.D. and the P.S.C., to improve the promotion prospects of the doctors in this country.

Mr Speaker, Sir, we are now told that the Surohanjaya Pilehanraya will now have an all-year registration of voters. I heartily welcome this move on the part of the Election Commission to have an all-the-year-round registration, because it is quite obvious that it is a very costly affair for the Election Commission to register the voters all by itself and the more assistance it gets from the public or from political parties the less expenditure it will incur and the more voters it will get for the future. Here I also wish to touch on the lack of promotion prospects for the top officers in the Election Commission. Everyone of the top officers in the Election Commission, all the State Election Officers—for example, Supervisors—have been stagnating down there for perhaps 5-6 years and they are now in their forties or mid-forties, which means that they will stagnate there for another 10 years before they leave the service. Mr Speaker, Sir, it is unrealistic to expect our loyal civil servants to stagnate in their posts without any promotion prospects. Unfortunately, these Election Officers, unlike the doctors, cannot leave the civil service because if they leave the civil service, they will find it very difficult to find a niche in the private sector. What they are now doing is that they are counting the days when they will reach 50. Once they reach 50, they say, "Tabek, Tuan, saya hendak keluar, pergi ka-private sector." Mr Speaker, Sir, the Election Commission now should seriously look into this question of promotion prospects for the top officers in the Election Commission.

Mr Speaker, Sir, one item of expenditure down here is Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia where we are required to approve an expenditure of \$18,928. Now I have stated it before and I state it again that it is very vital, and the Government knows it is very vital, that the Second Malaysia Plan should be under continuous review and I have no doubt that this is being done—that the implementation of the Second Malaysia Plan is under continuous review. What is regrettable is that the Report, the fruits of their labour, are not made known. Now, I submit that even if the Government has some very unpalatable homely truths to tell to the people of this country. It should tell the people of this country what is the true state of affairs, because it is only by an open discussion of all the mistakes of the Second

Malaysia Five-Year Plan that we can seek to improve and to implement the Second Malaysia Five-Year Plan.

Mr Speaker Sir, the next item that I wish to touch on is Jabatan Perhutanan. I recently received, Mr Speaker, Sir, a letter from several employees of the Jabatan Perhutanan dan mereka menyatakan kemudahan² overtime, seperti kemudahan perubatan, seperti kemudahan chuti am, chuti tahunan tidak di-beri kepada mereka. Mereka begitu juga menyatakan gaji-nya tidak sesuai atau memuaskan. Saya berharap Jabatan Perhutanan yang di-kuasai oleh Minister of Primary Industries will look into this as this comes under his Ministry—I am very glad that he is present. I have no doubt that he must be very sympathetic to any case of exploitation of the workers. He perhaps knows that the UMNO now is waking up to the potentialities of the workers of this country both as voters and as activists in the various political parties, and I call on the Minister to investigate into this matter of the inadequate facilities and inadequate salaries that are being given to the workers in the Forest Department.

Mr Speaker, Sir, we now see in some of our Supplementary Supply Bills, both with regard to the Ordinary Expenditure and with regard to the Development Expenditure, the huge expenditure that is being incurred as a result of the floods in January, 1971. Under Head B. 29, we see the item of \$741,300 to make good the damages caused by the floods in Kuala Lumpur and millions more must be spent all over the country. Instead of spending millions to make good the havoc created by the floods, I hope the Government will take more active steps to try to prevent floods. His Majesty, in his Address, has spoken a little paragraph on the flood relief measures, but I regret to say that as far as I can see very few active measures have been taken by the Government to alleviate floods in this country.

The other thing I wish to touch on is our computer services, Mr Speaker, Sir. We are making use of computers more and more. The other day when I suggested a computer for national register of marriages amongst the Muslims, unfortunately that was not taken up, and none of the male chauvinists amongst the Islamic males in this Chamber would even have a second look at that suggestion of mine. But obviously when we buy computers

that run into millions of dollars, Mr Speaker, Sir, we must see that we make the maximum use of our computers that are available. By maximum use I would say that we should try and see that they are used almost 24 hours a day; otherwise, again, it will be a waste of public funds if computers are only used during working hours, that is, during 8.00 o'clock to 4.00 o'clock and the rest of the other 16 hours of the day they are lying idle.

Mr Speaker, Sir, the Customs and Excise Di-Raja obviously needs a beefing up of its staff because with the implementation of the sales tax, the activity of the Customs Department is increased perhaps 50 per cent, if not more; and more than that, what is happening is that many people all over the country are going to the Customs Department and asking, "Enche, ini kena chukai-kah atau tidak?" and unfortunately, the officers concerned, or in many cases, many officers cannot give an adequate reply whether that single item attracts the sales tax or not. I submit that the Customs Department should take in many more officers and give them an intensive course in both excise duties and sales tax so that they can be readily available and they can have adequate knowledge to advise the literally thousands of people who are involved in having to pay sales tax and going to the Customs Department all over the country and trying to get a decision from them and being told that the officers concerned do not know about it. Worst still, sometimes they are given the wrong advice. They are told that they have to pay so much and so much of goods in this country.

Mr Speaker, Sir, on page 18 there is an item of \$250,000 for the National Goodwill Council to finance goodwill classes. Now, Mr Speaker, Sir, we know that the Kelas² Dewasa which were then under Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar were a total flop. They were jobs for the boys; they were jobs for the UMNO, the political hacks all over the country and what these people did was they hardly attended the classes. They inflated the classes; for example, if there were 10 people attending the classes they put it down as 30 people and of course they corruptly, in this instance, got more allowances than they should. I regret to say that this is again happening with these national goodwill council classes which are meant to teach Bahasa Malaysia to the adults in this country.

I call on the Minister of National Unity to look into this serious problem because I myself have received a number of letters alleging that "X"—at that time this Council was under an M.C.A. Minister—"X" an M.C.A. big-wig in a village is a Supervisor. "Y" another M.C.A. big-wig in another village was also a Supervisor in some of these classes. I submit that the people who are selected for these classes should be picked by an independent panel so that there can be no allegations of political patronage with regard to the running of these classes.

Now, Mr Speaker, Sir, just before the Lipis by-election, MARA—and I have here a letter with me—just before the

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Surat terbang-kah?

Dr Tan Chee Khoon: Ta' panjang, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ada-kah itu surat terbang? Ada signature?

Dr Tan Chee Khoon: Ada.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ada signature boleh baca.

Dr Tan Chee Khoon: I read here:

"Prior to the Lipis By-Election, MARA was instructed to pay those that attended MARA's Bookkeeping Class. These two courses were conducted costing MARA \$8,000. This is the first time MARA actually paid people to attend this course. Needless to say, we have no vote for this."

Now, Mr Speaker, Sir, this is how I say they talk about jerrymandering with political constituencies. This is how I say public funds are wantonly being thrown down the drain. I have never heard of calling people to attend a course, in this case a Bookkeeping Course, and paying them to attend such a Bookkeeping Course when you know that there is no vote for it. This letter, Mr Speaker, Sir, is not by a person who is pro-Pekemas or anti-Alliance. It goes on to say, and with your permission, Mr Speaker, Sir, I would like to read the rest of his letter, which I hope the Government will pay serious attention to—

"Singapore is able to export batik in unlimited quantities to the States (meaning the United States of America), while we

My first observation touches upon the subjects of agriculture. I need not elaborate further on the importance of agriculture in Malaysia, particularly in Sarawak. This is a very wellknown fact by every Honourable Member in this House. However, I regret to say that there appears to be a general half-hearted attempt on the part of our people regarding expansion in the agricultural sector. I feel that the faults lie on the following:

- (1) The people are not properly being made aware of the need to place agriculture in its proper place in dignity and priority.
- (2) It seems that the Government needs to review its present approach towards agricultural expansion. I recall that the Honourable Deputy Prime Minister once stated that there is no need for Sarawak farmers to be self-sufficient in rice production as there is enough surplus of rice in West Malaysia. Now, why should any surplus in one part of Malaysia deter some other areas from being given assistance in attaining sufficiency and thereby having sufficient surplus for export?
- (3) There is the general lack of basic agricultural knowledge of our younger generation which is mainly the result of two main factors:
 - (a) they mainly look down on agricultural activities and their condemnation is almost degrading; and
 - (b) they have not been properly taught in school the basic rudiments of agriculture in its proper perspective.
- (4) The present generation of agriculturists, those actively involved physically in the sector, are wanting in modern methods and modern facilities.

I, therefore, put forward the following submissions:

- (i) There is a great need to properly instruct the older generation of farmers who had been farmers from the cradle to give way to new and modern methods. A drive in this front will undoubtedly be met with some resistance in the preliminary stage but it will give benefits to them in the long run. A better understanding of modern techniques to replace outdated methods and

new ideas to replace age-old beliefs will go a long way towards breaking a new front in the fight to improve farming and increase agricultural production.

- (ii) I feel that a crash programme, properly planned and executed after preliminary surveys had been made on potential crops and potential areas had been determined, will produce the required result. Subsidies and token assistance need only be given where the case merits it. But at the same time, farming on large-scale with proper incentives and expert supervision must also be implemented, reviewed from time to time, and executed with meticulous care and planning.
- (iii) The dignity of agriculture must be uplifted in order to ensure expansion and increased production. I feel that the instruction of more agricultural subjects, especially for those children who are unable to continue with their academic pursuits because they are not so inclined, must be started. This can be done by opening up agricultural schools and agricultural colleges, where those who have proved to have adapted themselves in this field then can proceed to the Agriculture University.
- (iv) It is also felt that the introduction of mechanised farming must be started if we are to exploit our agricultural potentials and attract our younger generation to actively participate in agricultural activities, thereby through the modernisation of agriculture, increased production, at lesser efforts, will result.

The end result will be a more enlightened generation of future farmers, able to compete with outside world in the quantity and quality of local products for the local and world market. There will be a sudden upsurge of interest for land for agricultural exploitation and agricultural expansion will follow. This will result in increases in agricultural production which will bring about expansion in agro-based industrial activities.

At the same time, local products must be protected from imported varieties. Where we have similar products, one locally produced and grown and the other imported, tariffs must be put up to discourage the further

importation of the product and encourage the consumption of the local varieties. I am given to understand that raspberries are grown in the Cameron Highlands. It can be grown in the Kinabalu Highland in Sabah and the Murut Plateau in Sarawak. However, most Malaysians still have a preference for imported raspberries. This can be remedied by dissuading the people from the imported goods and persuading them that the home grown variety is better. To do this, the Information Section of the Ministry of Agriculture and other Government agencies involved in marketing should make an all-out effort at sales promotion. If this fails or meets with little success, the Government can resort to increased tariff as a last measure.

This is the second year of our Second Malaysia Plan. The planning stage should now have been all completed and the implementation period should, therefore, take over. We have about three more years to deliver the goods promised by the Second Malaysia Plan. In our efforts at restructuring society and to bridge the gaps between the "haves" and the "have-nots", it is our primary object in the industrial front to disperse industries to the rural sectors. As the Honourable Member for Padawan had earlier on stated in this House, there is imbalance in the development front between East and West Malaysia. I say, there is a very big gap between East and West Malaysia in the overall industrial activities, with the East Malaysian States so far behind as almost to be unseen. If we go to East Malaysia, from Tawau to Sindumin in Sabah and from Lawas to Lundu in Sarawak and proceed into the interior longhouses and the remote villages, how many factories are set up? How many industrial activities are evident? We hear so much talk so far in East Malaysia of restructuring our society through dispersing industries into the rural areas. But the proper preliminaries of setting up the industries are not proceeded with vigorously.

To set up any industry, we must have the necessary supply of the primary produces. But before this can be planted in abundance, if it is to be an agro-based industry, the soil on which the produce is to be planted must be fully surveyed and properly readied. Again, cheap power must be available and the manpower to man the various machineries and running of the industry must be trained for the jobs. Proper infrastructure

must be constructed and made available. Shipping facilities with accessible ports nearby must also be in hand.

These are very much wanting in Sarawak, and the attempt at restructuring our society there, again, is being confronted with the security problems. It may be quite some time before we can see industries being set up in Sarawak's rural areas and factories mushrooming in the serene countryside of East Malaysia. However, I feel that the people must be prepared for the impending change that I hope and anticipate will take place, so that the restructuring of East Malaysian society will not lag behind and the existing gap between East and West will not widen.

Towards this end, there is a great need to set up more agricultural schools and colleges in Sarawak; set up more training institutes with proper facilities and modern implements to train more technicians; set up more vocational schools to meet the impending expansion and anticipated increases in industrial activities in Malaysia's rural areas, especially in East Malaysia.

I have spoken briefly on the educational aspect connected with agriculture and industry. I wish to speak briefly on Education. In the Sarawak context, education is of primary importance.

In a developing country, the importance of teachers need not be emphasised. In Sarawak, there is a great shortage of trained teachers and the shortage of properly equipped institutions to train them. We place great emphasis on the Bahasa, yet there are no teacher-training colleges to teach Bahasa Malaysia in Sarawak. I feel that more institutions must be set up for the training of more teachers, especially in the Bahasa.

Some Honourable Members now question elected representatives on their loyalty in this House because they are unable to express themselves in the Bahasa. But who is to blame? Nine years have lapsed since Malaysia was formed in 1963. Has the Government set up a teacher-training college expressly to teach the Bahasa in Sarawak where it is most needed? Can we be blamed for not being able to express our views then in the Bahasa? If we are to do so, what we may say will be made in an entirely different language and perhaps the Yang di-Pertua will rule us out for speaking some foreign sounding words.

satu crash programme. Bagi pehak Yang Berhormat Menteri sendiri dan juga saya tidak bagitu agak-nya 100% berpuas hati dengan production tersebut kerana kita tahu ini ada-lah crash programme untuk memenohi janji kita dalam Dewan ini, ia-itu mulai bulan Mach kita hendak mengadakan tiap² minggu satu derama yang berchampur antara orang Melayu, China dan India. Jadi, atas tergesa² itu-lah mungkin ada kelemahan² dari segi tulisan-kah atau pun dari segi production.

Saperti yang saya katakan tadi tidak ada niat hendak menyentoh mana² pehak. Yang Berhormat Menteri sendiri telah meminta saya review seluroh siri ini, dan jika ada perkara yang agak menyentoh kita akan terek dan bagi pehak Yang Berhormat Menteri, saya sendiri meminta ma'af kepada penuntun² jika ada pehak² yang tertentu tersinggong. Saperti malam tadi kita ada satu derama, ia-itu Tiga Dara yang berthemakan atau bertajokkan berhubung dengan sex education. Dalam tajok derama malam tadi ada juga yang mengatakan tajok itu baik dan derama itu baik dan ada juga yang mengatakan derama itu tidak baik. Tiap² derama yang kita keluarkan ada dua pehak. Ada yang mengatakan baik dan ada yang mengatakan tidak baik. Jadi, ma'alom-lah kita tidak boleh memuaskan hati 11,000,000 manusia di-tanah ayer kita, tetapi bagi pehak Kementerian Penerangan, khas-nya Yang Berhormat Menteri dan saya sendiri akan chuba sa-berapa boleh dalam mengeluarkan derama ini supaya derama itu sa-kurang²-nya dapat memuaskan sa-bahagian besar daripada penduduk² di-tanah ayer kita.

Yang sa-benar-nya kita menjalankan ranchangan atau pun review ranchangan ini dari satu masa ka-satu masa bergantung kepada Public Opinion. Banyak perkara² yang telah kita ubah apabila kita dengar Public Opinion tidak seronok dengan satu² perkara. Mithalnya baharu² ini telah heboh dengan soal rambut panjang. Yang Berhormat Menteri dan saya sendiri telah membincangkan perkara ini dan mengambil assessment daripada Public Opinion itu dan baharu² ini kita telah memberikan arahan kepada artis² kita, kalau mereka hendak berlakon dalam talivishen kita, rambut panjang dan juga mini-skirt tidak boleh di-benarkan lagi. Itu-lah charanya kita menjalankan kerja untuk membolehkan sa-bahagian besar daripada ra'ayat negeri ini berpuas hati dengan production

kita. Soal rambut panjang ini juga akan di-kenakan kepada commercial films. Maka itu-lah kita telah memanggil pengiklan² supaya dapat mereka memenohi kehendak kita dan bukan itu sahaja, kita telah menjemput tuan² punya panggong wayang di-tanah ayer kita ini supaya dapat menjalankan projek atau program yang sama, sesuai mengikut kehendak negara kita. Itu-lah saya katakan tadi, pendek kata bukan-lah niat kita hendak menyinggong sa-siapa atau pun mana² pehak jika ada satu² perkara agak kesat sedikit keluar menerusi talivishen atau pun radio. Tujuan utama kita ia-lah hendak memberi orang ramai daripada apa jurusan sa-kali pun, sama ada entertainment atau pun menyampaikan message Kerajaan kepada mereka yang ada di-merata² tempat. Sa-kali lagi saya jelaskan bagi pehak Yang Berhormat Menteri, kalau ada pehak yang tersinggong dalam siri derama kita ini, maka saya bagi pehak beliau meminta ma'af dalam Dewan ini dan kita akan mengambil berat dan saya akan menengok kepada siri itu yang ada lagi lebeh kurang lima atau enam yang belum di-siarkan itu. Kita akan kaji dengan sa-dalam²-nya dan barangkali ada juga derama yang lain itu yang dapat di-plankan dengan baik-nya saperti satu derama baharu² ini sa-masa kita menyambut Maulud Nabi, yang kita namakan Sesat.

Barangkali ini baik, sebab kita dapat plankan. Kalau kita dapat plankan satu² derama itu dengan masa yang panjang, production-nya, wording-nya dan dailog-nya dapat kita halusi dengan sa-baik²-nya. Saperti saya katakan tadi derama Tiga Dara ini ia-lah untuk memenohi janji kita dalam Dewan ini supaya pada tiap² minggu, mulai bulan Mach kita kena mengeluarkan derama pada tiap² minggu.

Sa-perkara lagi yang beliau sebutkan ia-lah tentang talivishen atau pun siaran talivishen di-sabelah Johor kurang terang. Ini kita mengakui. Bukan sahaja di-sabelah Johor talivishen kita belum terang lagi, hatta di-sabelah Negri Sembilan, Kedah dan juga negeri Perak, ia-itu kawasan² pendalaman. Kita belum dapat lagi meletakkan transmitter ini dan bagi negeri Johor dan beberapa tempat yang lain kita telah masukkan estimate kita bagi mengadakan satu, kalau tidak silap saya di-Gunong Ledang, dekat kawasan Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara itu dan beberapa tempat yang lain saperti Negri Sembilan. Perundingan

sedang di-jalankan untuk mengadakan satu transmitter di-Kuala Pilah. Jadi begitu-lah juga seperti di-Baling dan beberapa tempat pendalaman di-negeri Perak kita akan chuba meletakkan transmitter supaya seluroh tanah ayer kita di-liputi oleh talivishen.

Beliau juga menhadangkan supaya transmitter kita di-Johor itu di-kuatkan untuk membolehkan saudara-mara kita di-sabelah Sumatera melihat talivishen kita. Yang sa-benar-nya untuk ma'lumat Dewan ini waktu ini pun kita dapat tahu dan dapat surat daripada Sumatera sana, saudara-mara kita di-sana melihat talivishen kita dan baharu² ini terdapat beberapa permintaan daripada mereka di-sana untuk mengiklankan barang² mereka melalui talivishen kita. Ini kita memang mengambil berat dan saya ucapkan terima kaseh kerana talivishen kita juga mendapat penghargaan di-luar negeri.

Yang akhir sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, yang beliau gaduhkan ia-lah gambar Tuan Speaker tidak di-keluarkan dalam talivishen. Bukan sengaja tidak di-keluarkan tetapi Tuan Speaker jarang berchakap. Jadi kita keluarkan bagi orang yang suka berchakap. Kadang² bila Tuan Speaker menyampok, itu ada juga kita keluarkan. Walau bagaimana pun sa-bagaimana saya katakan tadi, kita akan keluarkan gambar sa-siapa juga sama ada parti Kerajaan atau pun parti Pembangkang asalkan mereka itu berchakap mengikut lunas² yang kita kehendaki dalam Dewan ini. Sa-kira-nya terasa oleh Tuan Speaker apa yang saya chakapkan tadi, saya minta ma'af. Tetapi, saya kata, boleh barangkali, saya tahu, Tuan Speaker tidak mengambil berat atas perkara itu, hanya Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara sahaja mengambil berat atas perkara itu.

Nampak-nya tidak ada apa² perkara yang lain yang hendak saya sebutkan di-sini, kerana peruntukan yang kita minta ini—tambahan semata² untuk dua perkara sahaja, ia-itu pembayaran tunggakan gaji mengikut Laporan Suffian dan beberapa perkara dari segi sivik. Sekian, terima kaseh.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, saya chuma akan menjawab dua perkara sahaja dengan ringkas-nya. Satu, mengenai perkara yang telah di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu yang

telah menyatakan bahawa ada pekerja² di-dalam Jabatan Perhutanan yang tidak mendapat kemudahan² yang penoh seperti leave dan medical facilities. Saya tidak berapa jelas kumpulan kerja mana-kah yang di-ertikan oleh beliau itu, tetapi saya boleh agak bahawa kumpulan pekerja—mungkin juga kumpulan buroh kasar yang sementara. Di-sini saya ingin menyatakan bahawa kumpulan pekerja ini ada-lah di-bawah tanggungan Kerajaan Negeri dan sunggoh pun mereka itu terkeluar daripada sekim Suffian, langkah² sedang di-jalankan supaya menchari chara² hendak menolong mereka mendapatkan syarat pekerja yang lebeh baik lagi, perkara ini dalam pertimbangan dan dalam usaha kita.

Yang kedua, ada-lah mengenai tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara yang mengatakan bahawa di-dalam perindustrian getah asli kita hari ini Lembaga² Getah adalah di-dominate atau pun di-pegang oleh orang yang bukan Malaysia ada-lah lebeh banyak. Kalau di-bandingkan dari segi banyak bilangan di-dalam M.R.S.D., saya rasa, ini tidak-lah betul kerana dalam M.R.S.D. itu orang Malaysia lebeh banyak. Tetapi kalau daripada segi perwakilan daripada ladang² di-banding dengan perwakilan² daripada pehak² pekebun² kechil, Kerajaan sedar bahawa perwakilan daripada pehak ladang ada-lah terlalu banyak. Ini ada-lah sedang dalam timbangan pada masa sekarang ini untuk chara² yang dapat di-baiki keadaan²-nya.

Sa-benar-nya pehak ladang², sa-paroh daripada mereka sa-benar-nya telah pun memberi pendapat bahawa dalam lembaga sekarang ini perwakilan daripada pehak² pekebun kechil tidak-lah menchukupi dan mereka tidak akan ada halangan jikalau perwakilan ini akan di-kira mengikut banyak pengeluaran getah di-dalam negeri ini ia-itu kurang lebeh sa-tengah daripada ladang² besar dan sa-tengah daripada pekebun² kechil. Walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, pada sa-takat ini tidak ada jawapan yang tegas yang dapat di-beri kepada Ahli Yang Berhormat itu kerana seperti yang saya telah katakan beberapa kali soal seluroh structure untuk perusahaan getah asli kita sedang di-dalam pertimbangan dan kajian yang penghabisan dalam pada masa ini dan saya harap Ahli Yang Berhormat itu akan sabar sadikit dan akan memerhati apa-kah langkah² yang kita akan shorkan kepada

M.R.A.C.P. sa-lama tiga bulan sahaja dikehendaki sains satu perjanjian atau pun satu bond sa-banyak \$50 ribu atau pun bekerja dengan pehak Kerajaan sa-lama 7 tahun. Ini ada-lah kita buat kerana memandang kepada resignation daripada doktor² kita yang sudah bekerja dan jika ini tidak di-buat, tidak-lah ada jalan kita hendak menahan mereka daripada berbuat demikian dan dengan kita berbuat demikian ini ia-lah tujuan kita menyelamatkan public fund. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat):

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentoh sedikit mengenai perkara pelajaran yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Betong dan juga dari Limbang-Lawas tadi. Mengikut laporan Inter-Governmental Committee 1962 Perenggan 17, masalah Dasar Pelajaran dan Sistem Pentadbiran Pelajaran di-Negeri² di-Malaysia Timor, ada-lah di-bawah kawalan Kerajaan Negeri dan termasuk juga mengenai perkara² pelaksanaan daripada shor² Surohanjaya Gaji Guru.

Sa-bagaimana kita ma'alum bahawa tugas Surohanjaya Aziz meliputi guru² di-Malaysia Barat. Walau bagaimana pun sa-buah Jawatan-kuasa Kerja telah di-tubuhkan yang mengandungi antara lain wakil Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengkaji kemungkinan melaksanakan shor² Surohanjaya Gaji Guru² di-Malaysia Timor seperti yang telah di-laksanakan mengikut Pekeliling 10 tahun 1971 mengenai gaji² baharu, sharat² dan peratoran² perkhidmatan bagi guru² di-Malaysia Barat. Dan di-Sarawak sa-buah Jawatan-kuasa telah pun di-tubuhkan oleh Kerajaan Negeri untuk mengkaji soal perubahan gaji dan sharat² serta peratoran² bagi guru². Jawatan-kuasa ini di-jangka akan menyampaikan laporan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk di-per-timbangkan.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menggulung sedikit sahaja. Pertama sa-kali Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis berkata bahawa beliau ta' tahu apa-kah dasar² dan peratoran² berkenaan dengan pemberian tender² oleh Kerajaan. Saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, kerana Ahli Yang Berhormat itu ia-lah bekas Timbalan Ketua Menteri Sarawak pada satu masa dahulu. Sa-bagai sa-orang

bekas Timbalan Ketua Menteri, kalau sa-saorang itu yang pernah menjadi bekas Timbalan Ketua Menteri ta' tahukan dasar, dia ta' tahukan peratoran² mengenai pentadbiran Kerajaan, maka saya sendiri merasa sangat ragu² tentang ucapan-nya di-dalam Dewan ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak terangkan dengan lebeh jelas akan dasar² dan peratoran² berkenaan dengan pemberian tender, maka Ahli Yang Berhormat itu tidak ada di-sini. Tetapi patut-lah saya jelaskan untuk mengelakkan sa-barang keraguan yang timbul ia-itu tender² yang di-berikan oleh Kerajaan di-dalam negeri ini khas-nya tender daripada Kerajaan Pusat ia-lah berdasarkan kepada dasar² yang tertentu dan mengikut peratoran² yang telah di-tentukan. Segala²-nya ini tidak-lah ada yang sulit, tetapi boleh di-ketahui oleh sa-siapa dan boleh-lah di-dapatkan peratoran² ini daripada Kementerian Kewangan atau pun lain² badan Kerajaan yang berkenaan.

Yang kedua-nya, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Saratok minta supaya Anggota² Parlimen di-Malaysia Timor di-berikan bayaran tambang khas atau pun air plane concession rate bagi Anggota² Parlimen Malaysia Timor. Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya Ahli² Parlimen dari Malaysia Timor datang kerana urusan Parlimen, maka tambang kapal terbang-nya di-bayar oleh Parlimen. Tetapi kalau sa-lain daripada urusan Parlimen, maka susah-lah hendak dapat di-pertimbangkan untuk membayar tambang mereka oleh pehak Kerajaan. Maka terpaksa-lah pehak anggota Parlimen itu masing² membayar-nya. Jadi soal concession rate ini, saya fikir, tidak dapat di-timbangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara menimbulkan soal berkenaan Sharikat Ladang Gula di-Perlis, maka Kementerian Perdagangan Perindustrian akan menyiasat perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Batu menimbulkan perkara kereta² Menteri. Tuan Yang di-Pertua, perkara kereta² Menteri ini selalu sangat di-timbulkan dan ta' kurang rajin Ahli Yang Berhormat dari Batu itu menimbulkan perkara ini.

Berkenaan pembelian kereta² untuk Menteri² ada-lah perkara yang di-tentukan

chara²-nya dan dasar²-nya oleh pehak Kerajaan dan ada-lah di-pandang bahawa perbelanjaan untuk membeli kereta² Menteri ini bukan-lah perkara mewah atau pun perkara yang di-buat sa-suka hati oleh sa-barang Menteri yang berkenaan berkehendakkan kereta. Saya fikir terlalu naive atau pun vain bagi Ahli Yang Berhormat itu menimbulkan perkara ini berbalek², berkali² di-dalam Sidang Dewan Ra'ayat ini.

Satu lagi perkara yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat ia-itu beliau berkata Singapura mendapat layanan istimewa mengeksport batek ka-Amerika. Sedangkan Malaysia tidak. Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu kalau hendak menimbulkan sa-suatu perkara itu jangan-lah mendapat wrong end of the stick. Jangan-lah dapat keterangan² yang ta' betul, kemudian berbath di-dalam Dewan ini. Yang sa-benar-nya Malaysia dan juga Singapura ada-lah mendapat layanan yang sama, ya'ani barang² kerajinan tangan atau pun handicraft masok ka-Amerika dengan tidak ada sekatan. Dalam hal ini termasuklah kain² batek, kalau barang² itu di-buat dengan mesin, mithal-nya kain² yang lain, textile yang lain maka terta'alok-lah kepada quota, chukai dan lain² perkara, tetapi batek tidak. Saya berharap-lah Ahli Yang Berhormat sa-belum berbath di-dalam Dewan ini chek dahulu fakta sama ada betul atau pun tidak.

Ahli Yang Berhormat itu juga menimbulkan soal chukai jualan, chukai kastam dan harga barang². Perkara ini telah berkali² dan telah di-bahathkan di-dalam Dewan ini sama ada dalam masa membahathkan ucapan di-Raja atau pun di-dalam soal-jawab². Jadi terlalu banyak, berulang² kali, boleh jadi, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu ini tidak ada modal lain lagi sa-lain daripada mengulangkan² perkara, di-ulangkan berkali² dan juga di atas fakta yang tidak betul sama sa-kali.

Berkenaan dengan chukai jualan, chukai kastam, semua ini telah saya ma'alomkan ia-itu Jabatan Kastam menambah pegawai²-nya dan baharu² ini sa-ramai 38 orang pegawai kastam yang telah bersara di-ambil balek bekerja kerana di-dapati Jabatan Kastam sedang kekurangan orang yang terlatah untuk menjalankan pekerjaan² yang berkaitan dengan kastam. Bagitu juga perkara² berkaitan dengan chukai jualan. Kalau ada perkara, masalah yang timbul

dalam melaksanakan chukai jualan ini ada-lah masaalah permulaan, teething problem atau pun teething trouble. Pegawai² yang bertugas berkenaan dengan chukai jualan ada-lah di-latah di-Maktab Latehan Kastam di-Melaka.

Sa-lain daripada itu, pehak Kastam mengadakan perjumpaan² dengan Dewan² Perniagaan dan badan² swasta yang lain untuk chuba sama² menolong mengatasi masaalah melaksanakan chukai jualan ini. Perkara yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu itu boleh-lah di-katakan irrelevant di-dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu-lah sahaja yang saya hendak jawab.

Usul di-kemuka bagi di-putusan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

JADUAL PERTAMA

Kepala B. 2—

Masaalah di-kemuka bagi di-putusan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$11,151 untuk Kepala B. 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Jadual Pertama.

Kepala B. 3—

Masaalah di-kemuka bagi di-putusan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$372,000 untuk Kepala B. 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Jadual Pertama.

Kepala B. 4—

Masaalah di-kemuka bagi di-putusan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$869,400 untuk Kepala B. 4 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Jadual Pertama.

Kepala B. 63—

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$500,000 untok Kepala B. 63 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Jadual Pertama.

Kepala B. 64—

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$214,000 untok Kepala B. 64 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Jadual Pertama.

Kepala B. 65—

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$3,449,688 untok Kepala B. 65 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Jadual Pertama.

JADUAL KEDUA

Kepala B. 7—

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$36,600 untok Kepala B. 7 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Jadual Kedua.

Kepala B. 8—

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$762,966 untok Kepala B. 8 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Jadual Kedua.

Kepala B. 22—

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$19,091,054 untok Kepala B. 22 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Jadual Kedua.

Kepala B. 23—

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$16,550,000 untok Kepala B. 23 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Jadual Kedua.

Kepala B. 61—

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$24,581,746 untok Kepala B. 61 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Jadual Kedua.

Kepala B. 62—

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$3,445,970 untok Kepala B. 62 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Jadual Kedua.

Kepala B. 63—

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$3,670,000 untok Kepala B. 63 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Jadual Kedua.

Fasal² 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² LOTERI (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan supaya suatu Rang Undang² bertajok suatu "Akta bagi meminda Ordinan Loteri, 1952" di-bacha bagi kali kedua.

Bil ini ada-lah bertujuan untok meminda sekshen² 10, 13 dan 14 Ordinan Loteri dan untok mengadakan satu sekshen-kecil baru 10A. Ordinan Loteri ada-lah undang² di-bawah mana permit dan lesen² bagi menganjorkan Loteri awam dan bersendirian di-keluarkan. Satu daripada jenis² loteri yang popular ia-lah mesin buah atau fruit machine. Di-bawah dasar sekarang ini mesin buah hanya boleh di-jalankan oleh kelab² sokan dan sosial di-bawah lesen² yang di-keluarkan oleh Perbendaharaan. Dasar yang ketat ini ada-lah bertujuan untok mengelakkan mesin² ini daripada di-mainkan di-tempat² orang ramai yang senang di-lawati oleh kanak² dan orang² miskin.

Sharat yang ketat yang di-kenakan oleh Kerajaan di-dalam penganjoran mesin buah ini ada-lah di-dapati kurang berkesan. Ini terbukti daripada jumlah mesin² buah yang di-jalankan sa-chara haram di-merata² tempat termasuk kedai² kopi dan restoran². Kuasa Polis untuk mengambil tindakan yang tegas di-dalam hal ini ada-lah tersekat oleh kerana Ordinan Loteri tidak mempunyai peruntukan yang chukup untuk tujuan ini. Di-bawah undang² sekarang, memileki mesin² ini tidak-lah merupakan satu kesalahan. Untuk membuat tangkapan dan menda'awa, ada-lah perlu bagi pihak Polis mendapat bakti yang jelas bahawa mesin² tersebut di-gunakan tanpa lesen.

Untuk mengatasi keadaan ini sekshen 14 Ordinan Loteri hendak-lah di-pinda dengan di-masokkan satu sekshen-kecil baru (d) yang menegah pemilekan mesin² yang di-jalankan dengan kuasa letrik atau jentera atau lain² alat yang di-gunakan untuk menjalankan loteri. Satu sekshen baru, 10a di-adakan untuk memperuntokkan denda bagi kesalahan yang di-lakukan di-bawah sekshen-kecil baru 14 (d). Pindaan kepada sekshen 13 ada-lah untuk memperuntokkan kuasa merampas mesin² yang di-gunakan untuk loteri sa-chara haram.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Dato' Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 6 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PEMELIHARAAN BUKU² (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon men-chadangkan ia-itu satu Akta bagi meminda Akta Pemeliharaan Buku², 1966 di-bachakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini bertujuan untuk meminta Akta Pemeliharaan Buku², 1966 bagi memberi kuasa kepada Menteri yang berkenaan meminda Jadual Akta itu dari sa-masa ka-samasa apabila perlu. Jadual itu mengandongi senarai yayasan yang ka-pada-nya buku² yang di-terbitkan di-Malaysia di-kehendaki di-hantar mengikut sekshen 2 Akta tersebut, jika ada permohonan bertulis di-buat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan supaya di-luluskan usul ini bagi bachaa kali kedua.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang esok, hari Selasa, 23hb Mei, 1972.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.